

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN MENANGANI
MASALAH KEBERHUTANGAN SERIUS DI KALANGAN PENJAWAT
AWAM DI KUALA LUMPUR**

KHAIRUDIN BIN ALI

**SARJANA SAINS PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

2011

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2011

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN MENANGANI
MASALAH KEBERHUTANGAN SERIUS DI KALANGAN PENJAWAT
AWAM DI KUALA LUMPUR**

**Kertasprojek ini dikemukakan kepada Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia
sebagai memenuhi syarat keperluan ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti
Utara Malaysia**

Oleh :

KHAIRUDIN BIN ALI

Oktober 2011

Copyright © 2011 by Khairudin Bin Ali

Hak Cipta Terpelihara



**Othman Yeop Abdullah
Graduate School of Business**

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certified that)

KHAIRUDIN BIN ALI (808785)

Calon untuk Ijazah Sarjana
(Candidate for the degree of) **MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)**

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN MENANGANI MASALAH
KEBERHUTANGAN SERIUS DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DI KUALA LUMPUR**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas project
(as it appears on the title page and front cover of the project paper)

Bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : **DR. RAM AL JAFFRI BIN SAAD**
(Name of Supervisor)

Tandatangan :
(Signature)

Nama Penyelia : **EN. WAN KOZIL BIN WAN AHMAD**
(Name of Supervisor)

Tandatangan :
(Signature)

Tarikh : **29 NOVEMBER 2011**
(Date)

KEBENARAN MERUJUK

Kertas Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Program Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM untuk mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiandari pada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan Penyelidikan dan Pasca Ijazah, Kolej Perniagaan UUM. Sebarang bentuk salinan atau cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan ke atas kertas projek ini dibuat.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas kerja penyelidikan ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan

Penyelidikan Pasca Ijazah

Kolej Perniagaan

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

KEDAH DARUL AMAN

ABSTRAK

Kejayaan sesebuah organisasi ataupun jabatan diukur dari segi prestasi organisasi tersebut. Pengukuran prestasi pula adalah berasaskan kepada tugas utama sesebuah organisasi. Terdapat kesan yang negatif dan menjejaskan prestasi penjawat awam ekoran dari terbelenggu dengan permasalahan hutang yang serius. Keberhutangan serius menjadi satu fenomena yang membimbangkan dan ia melibatkan banyak pihak termasuk golongan penjawat awam. Permasalahan ini perlu difahami oleh semua penjawat awam kerana hutang boleh menjejaskan prestasi penjawat awam, dan sekaligus akan dikenakan tindakan tatatertib. Dengan ini, kajian yang bertajuk **“Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius Di Kalangan Penjawat Awam Di Kuala Lumpur”** ini adalah amat diperlukan. Tujuan utama kajian adalah untuk mengetahui faktor-faktor pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan serius. Selain itu kajian dapat menentukan faktor demografi yang mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan serius.

Kajian dibuat secara kaedah kuantitatif. Seramai 300 responden diperolehi daripada penjawat awam pelbagai gred di Kuala Lumpur melalui borang soal selidik yang diedarkan. Sebelum itu, penelitian data mengikut syarat kebolehpercayaan, kesahan dan kesahihan, kenormalan dan permasalahan multikolinieriti data dilakukan. Data adalah mencapai syarat yang ditetapkan dan tiada teknik transformasi dijalankan dan seterusnya analisis dilakukan bagi mencapai objektif kajian. Analisis kajian dibuat dengan statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian korelasi Pearson dan regresi linier berganda digunakan bagi melihat pengaruh antara faktor-faktor dan tahap kesedaran penjawat awam.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan antara jantina, bangsa, pendidikan, pendapatan dan jumlah perbelanjaan penjawat awam dengan tahap kesedaran mengenai keberhutangan serius. Selain itu, faktor sikap, pengetahuan dan penguatkuasaan undang-undang mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam menangani isu ini. Kempen tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tahap kesedaran oleh penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan serius.

ABSTRACT

The success of an organization or department was influenced by performance of staffs. The assessment of staffs will be based on the main task of the organizations. There are negative consequences and affect the performance of civil servants as a result of over-indebtedness problems. Now a days, the over-indebtedness among civil servants were affected the performance of civil servants, thus it will be affect the disciplinary action. With that, this study entitled “Factors affecting the Awareness of Dealing with Over-Indebtedness among Civil Servants in Kuala Lumpur” was very useful to avoid this problem. The main purpose of this study is to determine the factor of knowledge, attitudes, law enforcement and campaigns influenced the awareness of over-indebtedness among civil servants. Next, this study is also to determine demographic factors that influence the level awareness of over-indebtedness among civil servants.

The methodology of this research was quantitative method and all data was gathered used questionnaire. The sample size of this research was 300 respondents were collected from selected by department of government sector in Kuala Lumpur. Cronbach’s Alpha and factor analysis test was carried out to test the reliability and validity of research of each construct in questionnaire. There are two type of research which is descriptive and inferential statistic was used in this research. Descriptive statistics was applied to elaborate demographic profile and important item in each variable. Before proceed to inferential statistics, the screening data must be implement. The test of normality and multicollinearity was proceeded to fulfil the normality and linearity assumptions. T-test and Anova test was used to find out what are the demographic aspects that impact to decision the level of awareness over-indebtedness among civil servants. Correlation Pearson was used to know the relationship of knowledge, attitude, implementation of legal and campaigns towards the level of awareness over-indebtedness among civil servants. Multiple linear regression analysis was used to examine the relationship between influenced factors towards the level of awareness over-indebtedness.

Overall findings from this study suggest there were significant influenced between gender, race, level of education, income and expenses towards the level of awareness of over-indebtedness. Beside that, the main objective was achieved, there are three factors, knowledge, attitude, implementation of legal influenced level of awareness of over-indebtedness. Campaign was not significantly influenced level of awareness of over-indebtedness.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, saya memanjangkan kesyukuran kehadiran Ilahidi atas rahmat dan limpahNya dapat saya menjalankan penyelidikan dengan sempurna dan berjaya menyiapkan kertas projek Sarjana ini sebagaimana yang disyaratkan oleh pihak Universiti Utara Malaysia dan juga Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dalam tempoh yang ditetapkan.

Di sini saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Ram Al Jaffri bin Saad dari College of Business, Universiti Utara Malaysia sebagai penyelia kertas projek ini serta En. Wan Kozil bin Wan Ahmad, Ketua Program Kewangan Eksekutif, INTAN Bukit Kiara selaku penyelia bersama dari INTAN di atas tunjuk ajar, bimbingan serta nasihat yang diberikan sehingga terhasilnya kertas projek ini.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak INTAN terutamanya pegawai dan juga kakitangan Program Pengajian Lanjutan dan Kuantitatif yang telah banyak memberikan bantuan sepanjang saya mengikuti kursus diploma lanjutan dan sarjana ini. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perdana Menteri yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program ini.

Ucapan penghargaan istimewa saya rakamkan buat seluruh keluarga yang telah banyak berkorban dan memberikan galakan disepanjang pengajian saya terutamanya buat ayahanda yang dikasihi, Haji Ali bin Adam. Tidak lupa juga ditujukan khas sekalung budi selautan kasih untuk isteri tercinta, Pn. Zuraihan binti Noordin serta puteri-puteri tersayang, Nurin Safiyyah dan Nurdina Zahra kerana telah memberi dorongan, sokongan dan semangat dalam mengharungi cabaran sepanjang tempoh pengajian ini. Segala dorongan, semangat, kesabaran dan curahan kasih sayang yang kalian berikan merupakan azimat yang mencetus inspirasi serta membentuk kekuatan diri dalam mendepani perjuangan pengajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat rakan seperjuangan Diploma/Sarjana Sains Pengurusan UUM/INTAN sesi 2010/2011 yang turut sama membantu serta

berkongsi ilmu dan pengalaman, semoga jalinan kerjasama dan persahabatan antara kita dapat berterusan untuk menggapai kejayaan bersama dalam kerjaya masing-masing. Sesungguhnya dengan komitmen, inisiatif dan semangat setiakawan yang digembeling bersama telah berjaya memudahkan sebarang kesukaran yang timbul sepanjang menyempurnakan pengajian kita.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih buat semua yang telah terlibat dalam memberikan kerjasama kepada saya untuk menyiapkan tugas ini yang tidak dapat saya nyatakan satu persatu di sini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi dan jasa baik anda semua. Semoga usaha yang tulus dari kita semua ini bakal mendapat keberkatan dan keredhaan dari Allah S.W.T.

Khairudin Bin Ali

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Kampus Utama Bukit Kiara

Oktober 2011

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN MENANGANI
MASALAH KEBERHUTANGAN SERIUS DI KALANGAN PENJAWAT
AWAM DI KUALA LUMPUR**

KANDUNGAN

| | Mukasurat |
|---------------------------|------------------|
| KEBENARAN MERUJUK | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | iv |
| PENGHARGAAN | v |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI GAMBARAJAH | vii |
| | |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 3 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 3 |
| 1.4 Objektif Kajian | 4 |
| 1.5 Skop Kajian | 5 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.7 Limitasi Kajian | 8 |
| 1.8 Kesimpulan | 8 |
| 1.9 Organisasi Tesis | 9 |

| | | |
|--------------|---|----|
| BAB 2 | ULASAN KARYA | |
| 2.1 | Pengenalan | 10 |
| 2.2 | Masalah Keberhutangan Serius | 11 |
| 2.3 | Tahap kesedaran | 12 |
| 2.4 | Pengetahuan | 12 |
| 2.5 | Sikap | 13 |
| 2.6 | Penguatkuasaan Undang-undang | 14 |
| 2.7 | Kempen Menangani Masalah Keberhutangan Serius | 15 |
| 2.8 | Teori Kajian | 15 |
| 2.9 | Sorotan Kajian-Kajian Lepas | 16 |
| | 2.9.1 Kesan Masalah Keberhutangan Serius | 16 |
| | 2.9.2 Faktor-faktor Mempengaruhi Keberhutangan Serius | 18 |
| 2.10 | Pembentukan Kerangka Teori | 20 |
| 2.11 | Hipotesis | 21 |
| 2.12 | Rumusan | 23 |
| | | |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 24 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 25 |
| 3.3 | Kaedah Pengumpulan Data | 26 |
| | 3.3.1 Populasi dan Persampelan | 27 |
| | 3.3.2 Instrumen Kajian | 30 |
| | 3.3.3 Tempat Kajian | 31 |
| | 3.3.4 Kadar Pulangan Borang Soal Selidik | 31 |
| | 3.3.5 Kajian Rintis | 32 |

| | | |
|--------------|--|----|
| 3.4 | Kaedah Menganalisis Data | 43 |
| | 3.4.1 Penelitian Data | 43 |
| | 3.4.2 Statistik Deskriptif dan Inferensi | 46 |
| 3.5 | Rumusan | 55 |
| BAB 4 | ANALISIS DATA | |
| 4.1 | Pengenalan | 56 |
| 4.2 | Demografi Profil | 57 |
| | 4.2.1 Jantina | 57 |
| | 4.2.2 Umur | 58 |
| | 4.2.3 Bangsa | 59 |
| | 4.4.4 Taraf Perkahwinan | 60 |
| | 4.4.5 Taraf Pendidikan Tertinggi | 60 |
| | 4.4.6 Tempoh Perkhidmatan | 61 |
| | 4.4.7 Gaji dan Elaun | 62 |
| | 4.4.8 Jumlah Perbelanjaan | 63 |
| | 4.4.9 Jumlah Simpanan | 64 |
| 4.3 | Penelitian Data | 65 |
| | 4.3.1 Ujian Kebolehpercayaan | 65 |
| | 4.3.2 Ujian Kenormalan Data | 66 |
| | 4.3.3 Ujian Multikolinieriti | 68 |
| 4.4 | Item-item yang Dominan dalam setiap Pembolehubah | 69 |
| | 4.4.1 Analisis Deskriptif bagi Tahap Kesedaran | 70 |
| | 4.4.2 Analisis Deskriptif bagi Pengetahuan | 71 |
| | 4.4.3 Analisis Deskriptif bagi Sikap | 72 |

| | | |
|--------------|--|-----|
| 4.4.4 | Analisis Deskriptif bagi Penguatkuasaan Undang-Undang | 74 |
| 4.4.5 | Analisis Deskriptif Bagi Kempen | 76 |
| 4.5 | Mengetahui sama ada wujud perbezaan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan yang serius berdasarkan faktor demografi | 77 |
| 4.6 | Mengenalpasti sama ada pengetahuan mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam | 87 |
| 4.7 | Menguji sama ada sikap penjawat awam mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius | 88 |
| 4.8 | Membuktikan penguatkuasaan undang-undang mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius | 89 |
| 4.9 | Menguji sama ada kempen dapat mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius | 90 |
| 4.10 | Menentukan pengaruh faktor-faktor menangani masalah terhadap tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius | 91 |
| 4.11 | Rumusan | 94 |
| BAB 5 | PERBINCANGAN DAN CADANGAN | |
| 5.1 | Pengenalan | 96 |
| 5.2 | Perbincangan Kajian | 96 |
| 5.3 | Cadangan | 104 |
| 5.4 | Kesimpulan | 107 |
| | RUJUKAN DAN BIBLIOGRAFI | 108 |

LAMPIRAN

Lampiran A: Surat Kebenaran

Lampiran B: Borang Soalselidik

Lampiran C: Kajian Rintis

Lampiran D: Kajian Sebenar

Lampiran E: Senarai Agensi/Bahagian/Jabatan Terlibat Dalam Kajian

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Tajuk Jadual | Muka Surat |
|-------------------|--|-------------------|
| 3.1 | Kadar pulangan borang soal selidik | 32 |
| 3.2 | Nilai Alpha Cronbach | 35 |
| 3.3 | Nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis | 35 |
| 3.4 | Keputusan Kesahan Dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Tahap Kesedaran | 38 |
| 3.5 | Keputusan Kesahan dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Pembolehubah Pengetahuan | 39 |
| 3.6 | Keputusan Kesahan Dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Pembolehubah Sikap | 40 |
| 3.7 | Keputusan Kesahan Dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Pembolehubah Penguatkuasaan Undang-Undang | 41 |
| 3.8 | Keputusan Kesahan dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Pembolehubah Kempen | 42 |
| 3.9 | Kategori Skala Ordinal Lima Mata bagi Persetujuan | 47 |
| 3.10 | Kategori Skala Ordinal Empat Mata bagi Kekерapan | 47 |
| 3.11 | Tahap yang Digunakan Bagi Setiap Skor Min | 48 |
| 3.12 | Ringkasan Pengujian Statistik Inferensi bagi Hipotesis | 49 |
| 3.13 | Kekuatan Hubungan signifikan | 54 |
| 4.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 57 |
| 4.2 | Taburan Umur Responden | 59 |
| 4.3 | Taburan Responden Mengikut Bangsa | 59 |
| 4.4 | Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan | 60 |
| 4.5 | Tahap Pendidikan Tertinggi | 61 |

| | | |
|------|--|----|
| 4.6 | Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan | 62 |
| 4.7 | Taburan Responden Mengikut Gaji dan Elaun | 63 |
| 4.8 | Taburan Responden Mengikut Jumlah Perbelanjaan | 64 |
| 4.9 | Taburan Responden Mengikut Jumlah Simpanan | 65 |
| 4.10 | Keputusan Kebolehpercayaan Data Sebenar | 66 |
| 4.11 | Keputusan Kenormalan Data Sebenar | 67 |
| 4.12 | Keputusan Multikolinieriti Data Sebenar | 69 |
| 4.13 | Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Tahap Kesedaran | 70 |
| 4.14 | Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Pengetahuan | 71 |
| 4.15 | Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Sikap | 72 |
| 4.16 | Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Penguatkuasaan Undang-Undang | 74 |
| 4.17 | Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Kempen | 76 |
| 4.18 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Jantina | 78 |
| 4.19 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Umur | 79 |
| 4.20 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Bangsa | 80 |
| 4.21 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Status Perkahwinan | 81 |
| 4.22 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Pendidikan | 82 |
| 4.23 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan | 83 |
| 4.24 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Gaji dan Elaun | 84 |
| 4.25 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Jumlah Perbelanjaan | 85 |
| 4.26 | Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Anggaran Simpanan | 86 |

| | | |
|------|---|----|
| 4.27 | Ujian Korelasi Pearson pengetahuan terhadap tahap kesadaran | 87 |
| 4.28 | Ujian Korelasi Pearson Sikap Terhadap Tahap Kesedaran | 88 |
| 4.29 | Ujian Korelasi Pearson Penguatkuasaan Undang-Undang Terhadap Tahap Kesedaran | 89 |
| 4.30 | Ujian Korelasi Pearson Kempen Terhadap Tahap Kesedaran | 90 |
| 4.31 | Ujian Regresi Berganda Antara Faktor-Faktor Mempengaruhi Dengan Tahap Kesedaran | 91 |
| 4.32 | Ringkasan Keputusan Hipotesis | 95 |

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 : Kerangka Teori

20

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dewasa ini, isu mengenai masalah keberhutangan serius menjadi isu penting yang sering didedahkan oleh media massa. Isu ini bukan sahaja menarik minat masyarakat umum, malah kerajaan juga amat memandang serius mengenai perkara ini. Hal ini kerana masalah keberhutangan serius ini merupakan satu virus yang dibimbangi dapat memberi kesan berantai kepada individu yang terlibat dengannya. Ia bukan sahaja sekadar berkaitan dengan hutang, malah ia membawa kepada kesan yang lebih serius seperti masalah pinjaman wang tanpa lesen (along), senarai hitam, tindakan undang-undang, muflis dan sebagainya. Jika isu ini tidak ditangani segera, masalah yang lebih buruk dijangkakan berlaku seperti memberi kesan kepada ekonomi, politik dan sosial kepada negara kita.

Keresahan masyarakat dan kerajaan mengenai perkara ini mempunyai asas yang kukuh. Beberapa laporan dan statistik dengan jelas mendedahkan bahawa jumlah masyarakat terutamanya golongan pekerja sektor awam yang terlibat dengan masalah keberhutangan serius telah meningkat dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia mendedahkan bahawa sepanjang tahun 2009 sahaja, seramai kira-kira 1,086 penjawat awam telah diisytiharkan bankrap (Berita Harian, 3 Mac

2011). Timbalan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong turut mendedahkan bahawa ramai penjawat awam di negara ini dibelenggu masalah keberhutangan serius yang mungkin membawa kepada permasalahan bankrap. Agensi Berita Nasional (Bernama, 2009) pula melaporkan seramai 450,000 kakitangan kerajaan berada dalam situasi dibebani hutang yang serius termasuk hutang pinjaman rumah, kereta, pendidikan, perubatan dan pengubahsuaian rumah. Disebabkan pinjaman-pinjaman tersebut, penjawat awam dikatakan hanya mempunyai lebih sebanyak 40 peratus sahaja daripada keseluruhan gaji mereka. Kedudukan ini cukup membimbangkan dan perlu diberi perhatian yang serius.

Menyedari akan besarnya kesan masalah ini, kerajaan telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada bulan April 2006. Agensi ini ditubuhkan di bawah Bank Negara bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kebolehan orang ramai termasuk golongan awam berkaitan dengan perancangan dan pengurusan kewangan yang bijak. Pelbagai alternatif telah dirancang dan dilaksanakan bagi mempengaruhi kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam seperti suntikan pengetahuan, kempen, penguatkuasaan undang-undang dan kesedaran dari segi tingkahlaku. Walaupun usaha demi usaha telah dilaksanakan melalui AKPK, namun dari segi kejayaan program yang dianjurkan oleh mereka dalam meningkatkan tahap kesedaran penjawat awam mengenai masalah keberhutangan serius masih belum menampakkan hasil. Justeru, satu kajian wajar dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor

yang mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam mengenai masalah keberhutangan serius ini.

1.2 Penyataan Masalah

Masalah keberhutangan serius mencetuskan satu fenomena baru yang amat membimbangkan. Laporan dan statistik telah mengesahkan perkara ini. Walaupun isu ini amat penting, namun sehingga kini masih sukar ditemui kajian-kajian yang cuba mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi penjawat awam terhadap masalah keberhutangan serius. Hal ini bertambah menarik apabila didapati ramai di kalangan penjawat awam telah terlibat dengan permasalahan ini. Justeru, adalah wajar satu kajian dijalankan bagi memahami fenomena ini dengan lebih mendalam. Maka kajian ini merupakan cubaan awal bagi mencari jawapan kepada fenomena keberhutangan serius di kalangan penjawat awam di negara kita.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dibincangkan, kajian yang dijalankan ini untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

- 1.3.1 Adakah terdapat perbezaan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius mengikut faktor jantina, umur, bangsa, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, tempoh berkhidmat, gaji, jumlah perbelanjaan dan simpanan sebulan?

- 1.3.2 Adakah faktor pengetahuan mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam?
- 1.3.3 Adakah faktor sikap penjawat awam mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam?
- 1.3.4 Adakah faktor penguatkuasaan undang-undang mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam?
- 1.3.5 Adakah faktor kempen mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam?

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai beberapa objektif. Antara objektif yang hendak dicapai adalah untuk:

- 1.4.1 Menentukan sama ada wujud perbezaan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam berdasarkan faktor jantina, umur, bangsa, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, tempoh berkhidmat, gaji, jumlah perbelanjaan dan simpanan sebulan.

- 1.4.2 Mengenal pasti sama ada faktor pengetahuan mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.
- 1.4.3 Menguji sama ada faktor sikap penjawat awam mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius.
- 1.4.4 Menguji sama ada faktor penguatkuasaan undang-undang berkaitan kerbehutangan serius mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.
- 1.4.5 Menguji sama ada faktor kempen mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah fokus kepada penjawat awam yang terdiri daripada penjawat lelaki dan perempuan yang terdiri daripada berbilang kaum. Penjawat awam yang bekerja di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipilih sebagai subjek kajian ini. Keadaan ini kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan wilayah metropolitan dengan

pertumbuhan paling pesat di Malaysia, baik dalam jumlah penduduk mahupun ekonomi.

Pengumpulan data diperoleh melalui soal selidik yang dihantar kepada staf-staf di jabatan-jabatan kerajaan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Secara khususnya, antara jabatan-jabatan yang terlibat adalah seperti Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti (BPAS) dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Sungai Besi.

1.6 Kepentingan Kajian

Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan yang serius di kalangan penjawat awam adalah amat penting. Hasil kajian ini, sudah tentu dapat membantu untuk memberi manfaat kepada kerajaan mengenai kedudukan semasa yang berkait dari segi kualiti kehidupan setiap individu. Ia adalah selaras dengan perkara ketiga Model Baru Ekonomi yang ingin mewujudkan kualiti kehidupan di kalangan rakyat Malaysia.

Kajian ini juga dapat menyokong dan mengukuhkan teori dan model kajian terdahulu berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pengguna tentang kesedaran keberhutangan yang serius. Selain itu, kajian ini dijalankan bagi menambah bilangan karya yang berkaitan dengan permasalahan

keberhutangan yang masih kurang dijalankan terutamanya di Malaysia. Dapatan dari kajian ini juga menambahkan bahan bacaan umum dalam bentuk artikel atau jurnal.

Selain itu, kajian ini juga sangat relevan kepada pihak majikan. Jabatan Perkhidmatan Awam boleh menggunakan maklumat dari hasil kajian bagi menggubal dasar-dasar terutama yang membabitkan gaji, elaun dan kemudahan kepada penjawat awam. Isu keberhutangan yang serius ini akan dapat dibanteras dengan meningkatkan langkah pencegahan awal dan ianya boleh dijadikan penanda aras dan panduan untuk kerajaan memperbaiki dan menambahbaik mutu perkhidmatan awam selaras dengan Program Transformasi Kerajaan yang sedang berjalan. Seterusnya langkah-langkah pencegahan melalui pendidikan, latihan, kemahiran pengurusan kewangan dan penambahbaikan sistem saraan dapat dijana agar dapat menstabilkan ekonomi penjawat awam seterusnya dapat mewujudkan suasana kerja harmoni di dalam organisasi dalam perkhidmatan awam. Hasil kajian dapat digunakan oleh pihak-pihak tertentu terutamanya Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Institut Integriti Malaysia (IIM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Bank Negara Malaysia (BNM), bank-bank dan institusi kewangan lain untuk dijadikan garis panduan bagi merancang dan melaksanakan aktiviti yang bersesuaian dalam isu keberhutangan serius ini.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini melibatkan pegawai pengurusan peringkat bawahan dan atasan sebagai responden kajian. Pegawai-pegawai tinggi kerajaan berjawatan utama (JUSA) tidak termasuk di dalam kajian ini.

Responden akan diminta untuk menyatakan pendapat atau persepsi mereka mengenai isu keberhutangan yang serius di mana isu ini adalah amat sensitif diperkatakan. Subjek kajian juga diminta memberi pendapat terutama mengenai tahap kesedaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran mengenai keberhutangan serius. Oleh itu, ketepatan maklumat dalam kajian ini adalah bergantung kepada keikhlasan penjawat awam semasa menjawab soal kaji selidik kajian.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya Bab 1 membincangkan mengenai pengenalan kepada isu keberhutangan yang hangat diperkatakan yang melibatkan ramai penjawat awam. Namun begitu, telah banyak usaha kerajaan laksanakan untuk meningkatkan sosio-ekonomi dan merealisasikan wawasan negara. Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam di Kuala Lumpur terhadap isu keberhutangan. Bab ini juga menerangkan latar belakang dan pernyataan masalah yang dihadapi,. Selain daripada itu persoalan, objektif, skop, kepentingan, dan limitasi kajian turut dibentangkan dalam bab ini. Bahagian terakhir bab menghuraikan cara

menulis laporan atau organisasi laporan. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan lagi tahap kesedaran semua pihak terutamanya penjawat awam yang segelintirnya menyumbang kepada masalah keberhutangan yang serius di kalangan penjawat awam.

1.9 Organisasi Tesis

Bab 1 membincangkan mengenai pengenalan, latarbelakang masalah, persoalan, objektif, kepentingan dan skop kajian. Dalam bab yang seterusnya, kajian literatur mengenai fakta-fakta dan isu-isu keberhutangan yang serius di kalangan penjawat awam akan dibentangkan. Selain itu, kajian-kajian lepas mengenai tahap kesedaran menangani keberhutangan ini akan dihuraikan satu persatu. Dalam Bab 3 membincangkan metodologi yang telah digunakan sepanjang kajian ini yang melaporkan mengenai rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data, populasi, sampel, instrumen, lokasi dan kaedah analisis yang digunakan. Perbincangan dan kesimpulan projek akan dijelaskan pada Bab 5.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Tahap kesedaran merupakan salah satu komponen yang penting dalam memahami permasalahan keberhutangan serius. Ia memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sahsiah dan kendiri penjawat awam. Permasalahan keberhutangan serius ini semakin meningkat dan berada pada kedudukan yang sangat membimbangkan sehinggakan wujud peraturan dan tindakan terhadap penjawat awam yang terlibat dengan masalah ini. Bilangan dan jumlah mereka yang terlibat juga semakin hari semakin bertambah. Faktor-faktor tertentu memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesedaran penjawat awam terhadap isu ini wajar dikenalpasti segera.

Secara ringkasnya, bab ini akan membentangkan mengenai ulasan karya yang meliputi definisi dan konsep pembolehubah-pembolehubah yang digunakan di dalam kajian-kajian terdahulu yang berkaitan. Selain itu, teori-teori berkenaan tahap kesedaran dan faktor-faktor yang mempengaruhinya juga dihuraikan dalam bab ini. Akhir bab ini membentangkan kerangka model dan hipotesis-hipotesis kajian ini.

2.2 Masalah Keberhutangan Serius

Merujuk Kaedah 12 (7) Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Akta 605), yang diterbitkan pada tahun 2000 dan diguna pakai hingga sekarang, ungkapan “keterhutangan kewangan yang serius” didefinisikan sebagai keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang, setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.

Terdapat tiga syarat penjawat awam yang dikategorikan berada di situasi keberhutangan serius. Pertama, penjawat awam yang mempunyai jumlah hutang yang tidak bercagar yang melebihi 10 kali emolumen bulannya. Ini bererti baki gaji akhir penjawat adalah kurang daripada 40 peratus. Oleh yang demikian, pegawai awam hanya dibenarkan berhutang 60 peratus daripada emolumen dan mempunyai baki gaji sekurang-kurangnya 40 peratus. Kedua, tidak dapat menyelesaikan hutang dalam masa yang ditetapkan. Ketiga, pegawai yang diisytiharkan bankrap oleh pihak berkuasa.

Kajian oleh Disney, Bridges dan Gathergood (2008) pula menyatakan bahawa tiada definisi yang tertentu dan dipersetujui terhadap perkataan keberhutangan serius. Istilah ini sudah tentu tidak boleh dikelirukan dengan kewujudan tahap hutang yang tinggi dalam ekonomi. Berbeza dengan Malaysia, di United Kingdom, Menteri Hal Ehwal Pengguna di sana menyifatkan terdapat empat objektif dan satu ukuran subjektif sebagai

penunjuk aras yang seseorang berada di tahap keberhutangan yang serius (Disney, Bridges & Gathergood, 2008). Pertama, individu berbelanja lebih daripada 25 peratus daripada pendapatan kasar bulanan ke atas pembayaran balik pinjaman tidak bercagar. Kedua, individu yang menggunakan lebih daripada 50 peratus dari pendapatan kasar bulanannya untuk membayar balik jumlah pinjamannya. Ketiga, individu yang mempunyai empat dan lebih jenis hutang. Keempat, individu yang mempunyai tunggakan melebihi tiga bulan terhadap komitmen hutang dan ia melanggar rang undang-undang negeri. Manakala satu ukuran subjektif adalah individu yang diisytiharkan dibebani hutang di peringkat yang berat di mana menanggung pinjaman yang dibuat oleh isi rumah.

2.3 Tahap kesedaran

Kamus Dewan (2010) mendefinisikan kesedaran sebagai peka atau mengambil tahu tentang sesuatu perkara atau peristiwa. Manakala tahap kesedaran bermaksud peringkat, tingkat atau darjah kesedaran atau perihal sedar akan sesuatu. Dalam konteks kajian ini, peringkat atau darjah kesedaran merujuk kepada jumlah hutang dan simpanan serta masalah dalam menangani masalah keberhutangan.

2.4 Pengetahuan

Berdasarkan Notoatmodjo (2003), pengetahuan adalah berasal dari perkataan tahu dan ini berlaku selepas individu itu melakukan siasatan terhadap sesuatu

objek sama ada melalui penglihatan, pendengaran, bau, rasa dan raba. Sebahagian besar pengetahuan manusia diperolehi melalui pendidikan, pengalaman, media massa dan faktor persekitaran (Notoatmodjo, 2003). Pengetahuan merupakan dominan yang sangat penting dan terbentuk untuk menyokong tindakan seseorang. Dalam kajian ini, pengetahuan merujuk kepada kedudukan pendidikan, pengalaman dan persekitaran yang mempengaruhi tahap pengetahuan penjawat awam terhadap permasalahan keberhutangan yang serius.

2.5 Sikap

Sikap merupakan reaksi atau respon yang masih tertutup dari seseorang terhadap suatu stimulus atau objek (Notoatmodjo, 2003). Manifestasi sikap seseorang tidak dapat dilihat secara langsung tetapi boleh ditafsir terlebih dahulu dengan melihat perilaku yang langsung dilihat, tetapi hanya dapat ditafsirkan terlebih dahulu dari perilaku yang tertutup. Manakala Wenden (1991) mencadangkan konsep sikap merangkumi tiga komponen, iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Kognitif adalah kepercayaan dan idea atau pendapat tentang objek sikap. Manakala afektif merujuk kepada perasaan itu dan emosi bahawa seseorang itu ke arah objek yang disukai atau tidak. Komponen tingkah laku merujuk kepada tindakan seseorang atau niat yang terdiri tingkah laku ke arah objek. Justeru, kajian ini mentakrifkan sikap sebagai kepercayaan, perasaan dan tingkahlaku penjawat awam terhadap masalah keberhutangan yang serius.

2.6 Penguatkuasaan Undang-Undang

Undang-undang adalah peraturan hidup yang berkata-kata atau lebih dikenali sebagai bahasa undang-undang (Utusan Malaysia, 2001). Bahasa tersebut ditetapkan pada asalnya di Parlimen dalam proses membuat sesuatu akta atau undang-undang itu. Setiap perkataan, frasa dan setiap ayat sesuatu akta itu dijadikan panduan atau arahan mandatori baik kepada hakim mahupun kepada peguam dan penguatkuasa. Undang-undang adalah cetusan kuasa kenegaraan untuk memelihara keamanan, kesejahteraan dan pada amnya kebaikan sejagat manusia. Penguatkuasaan undang-undang bermaksud pelaksanaan undang-undang yang perlu dijalankan setelah diluluskan oleh kerajaan atau perlembagaan Malaysia.

Penguatkuasaan undang-undang dalam kajian ini adalah berkenaan dengan peraturan keberhutangan yang serius di kalangan penjawat awam yang termaktub dalam Kaedah 12 (7) Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Akta 605). Penjawat awam dipantau oleh ketua jabatan supaya mematuhi surat-surat pekeliling dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Sekiranya kakitangan bawahannya masih tidak mematuhi surat-surat pekeliling dan berada dalam keterhutangan kewangan serius, Ketua Jabatan perlulah bertanya kepada pegawai bagaimanakah ia menyelenggara kehidupannya. Walaupun mempunyai keberhutangan kewangan yang serius, tindakan tatatertib tidak perlu diambil jika penjawat awam menunjukkan prestasi kerja yang baik serta tidak melanggar tatakelakuan perkhidmatan awam di bawah Peraturan 4. Namun begitu, Ketua Jabatan perlulah

memantau secara berterusan supaya tidak menjejaskan prestasi kerja dan tidak berlaku penyalahgunaan kuasa. Dalam kajian ini, penjawat awam akan ditanya mengenai persepsi mengenai pelaksanaan undang-undang keberhutangan serius oleh penguatkuasa terhadap penjawat awam.

2.7 Kempen Menangani Masalah Keberhutangan Serius

Salah satu usaha kerajaan dalam menangani masalah keberhutangan serius adalah mengadakan kempen sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Kebanyakan usaha menangani isu keberhutangan ini adalah dilakukan melalui media massa. Kajian ini akan meminta pendapat penjawat awam mengenai kempen yang dilakukan oleh para penguatkuasa seperti Bank Negara, AKPK, dan lain-lain organisasi mengenai kempen menangani masalah keberhutangan.

2.8 Teori Kajian

Terdapat pelbagai teori mengenai tahap kesedaran seseorang individu telah dijelaskan oleh para sarjana terdahulu. Antara teori yang popular ialah teori tahap kesedaran. Teori tahap kesedaran adalah konsep sangat penting dalam menangani masalah keberhutangan yang serius di kalangan penjawat awam. Secara amnya, terdapat tiga aspek yang dikemukakan dalam teori yang dianalisis oleh pakar bahasa Hashim, Awang, Mohd Nori dan Abd Ghaffar (1999). Tahap-tahap itu ialah tahap sedar, tahap pra-sedar dan tahap bawah sedar terhadap masalah keberhutangan yang serius.

Peringkat sadar adalah peringkat yang disadari oleh penjawat awam dan ini adalah merangkumi tindakan, perasaan, pemikiran dan ingatan. Manakala pra-sedar pula adalah keadaan seseorang individu yang akan mengalami sedikit kesukuran untuk menyedari sesuatu yang berlaku. Walaubagaimanapun jika diberi tumpuan atau dilakukan secara bersungguh-sungguh ianya mampu diingat semula. Keseluruhan peringkat ini adalah lebih kepada peringkat perasaan. Pada tahap ini, penjawat awam akan lebih kepada aspek keperibadian yang sememangnya wujud dari diri sendiri.

Tahap ketiga adalah bawah sadar di mana ia sangat sukar dan memerlukan bimbingan oleh pakar yang bertauliah dalam bidang pengurusan kewangan. Hal ini bagi memastikan mereka dapat menghindarkan diri daripada permasalahan keberhutangan yang serius. Pada tahap ini, selalunya seseorang penjawat awam tidak mahu menerima pendapat dan kenyataan dari mana-mana pihak mengenai isu keberhutangan serius.

2.9 Sorotan Kajian-Kajian Lepas

2.9.1 Kesan Masalah Keberhutangan Serius

Garman, Leech dan Grable (1996) menyatakan contoh-contoh kelakuan dan gelagat pengurusan kewangan yang lemah yang memberikan kesan negatif kehidupan sebuah keluarga (sebagai contoh, perhubungan dengan saudaramara dan rakan-rakan) dan juga kepada pekerjaan (sebagai contoh, prestasi kerja).

Berdasarkan angka yang ada di tangan Gabenor BNM, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz kadar hutang isi rumah berjumlah RM577 bilion sehingga November lalu, masih lagi terkawal tetapi semua pihak mungkin patut juga berasa bimbang. Kajian terhadap kesan keberhutangan serius terhadap integriti penjawat awam wajar diadakan bagi mencari jawapan kepada persoalan ini supaya pihak kerajaan dapat memperbaiki kelemahan dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan penjawat awam.

Berdasarkan perangkaan itu juga, sejak tahun 2007 sehingga 2010, seramai 32,997 (67.8 peratus) lelaki menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) berbanding hanya 15,688 (32.2 peratus) perempuan. Timbulnya isu ini adalah kerana pengurusan kewangan yang lemah, cetek pengetahuan kewangan dan tidak berdisiplin di dalam perbelanjaan harian mereka. Kombinasi-kombinasi yang ada ini menyumbang kepada peningkatan hutang mereka, lantas mengakibatkan ketidakupayaan membayar balik pinjaman bak kata orang, 'besar kerak daripada nasi'.

Pada usia yang masih muda, keghairahan dan keinginan untuk bergaya sama ada dengan membeli pakaian dengan fesyen terkini, kereta dan kediaman mewah menyebabkan mereka alpa untuk menyimpan secara berkala, malah lebih teruk membuat pinjaman untuk menampung kehidupan itu. Dengan meningkatnya kadar faedah, peminjam tersebut akan mulai merasai bahangnya dan mulai tersepit apabila jumlah hutang yang ditanggung semakin membesar seperti belon.

2.9.2 Faktor-Faktor Mempengaruhi Keberhutangan Serius

Legge dan Heynes (2010) mendedahkan bahawa punca utama individu di New Zealand terlibat dengan keberhutangan serius adalah disebabkan oleh tingkah laku atau sikap mereka. Dalam kajiannya didapati bahawa golongan muda mempunyai tahap kesedaran yang rendah berbanding golongan yang lebih tua dalam hal pengurusan kewangan. Ini menunjukkan bahawa golongan muda mudah terpicik dengan masalah keberhutangan serius. Selain itu, faktor persekitaran seperti pihak yang memberi hutang turut didapati memberi kesan kepada masalah keberhutangan serius.

Casey (2004) dalam kajiannya tentang kegagalan dalam pengurusan wang mendapati bahawa individu yang kurang pengetahuan dalam pengurusan kewangan dan tiada inisiatif atau teknik dalam membaiki masalah hutang merupakan penyebab seseorang individu terbelenggu dengan keberhutangan serius. Keadaan ini menunjukkan bahawa ilmu kemahiran pengurusan kewangan adalah penting untuk membendung masalah hutang yang berlebihan dalam diri seseorang individu (Casey, 2004).

Dearden (2010) pula melaporkan bahawa antara faktor-faktor utama yang mempengaruhi seseorang terlibat dengan keberhutangan serius adalah kelemahan pelaksanaan undang-undang mengenai hutang, sikap ataupun tingkahlaku dan jumlah pendapatan seseorang. Individu yang mempunyai pengetahuan yang sedikit dan individu tersebut juga adalah di kalangan

individu berpendapatan rendah, maka mereka lebih terdedah kepada permasalahan ini.


Lusardi dan Tufano (2008) pula dalam kajian mereka mengenai rakyat Amerika mendapati bahawa golongan wanita, warga tua, individu berpendapatan rendah dan ingin hidup dalam kekayaan adalah faktor yang menyumbang kepada masalah keberhutangan serius. Selain itu, faktor pengetahuan turut didapati mempengaruhi mereka untuk berada dalam masalah keberhutangan serius (Lusardi & Tufano, 2008).

Anderloni dan Vandone (2008) pula mendapati bahawa diantara faktor institusi pekerjaan dan individu, faktor individu lebih menyumbang kepada permasalahan hutang yang serius di kalangan responden yang diambil di negara Eropah. Faktor-faktor individu yang didapati mempengaruhi masalah hutang yang serius adalah umur, jantina, keturunan, pendidikan, keadaan keluarga, dan peristiwa buruk yang pernah berlaku seperti kesihatan ataupun pecah belah keluarga.

Kamleitner, Hornung, & Kirchler (2010) mendapati keputusan dalam kajian pengurusan kewangan, keberhutangan serius adalah disebabkan oleh kurangnya sokongan mental dan pengetahuan dalam menguruskan kewangan. Selain itu, faktor tingkah laku mengawal hutang juga menyumbang kepada permasalahan ini.

2.10 Pembentukan Kerangka Teori

Berdasarkan kajian lepas dan huraian berkaitan dengan konsep keberhutangan serius, maka satu kerangka teori telah dibentuk seperti di Rajah 2.1. Rangka teori ini menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah bebas, iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi dan pemboleh ubah bersandar, iaitu tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.



Rajah 2.1 : Kerangka Teoretikal

2.11 Hipotesis

Fokus utama penyelidikan adalah untuk mengetahui pengaruh faktor pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen terhadap tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Di samping itu, berdasarkan kepada latar belakang penjawat awam yang berbeza terutamanya dari segi jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, pendapatan, tempoh pekerjaan, gaji, jumlah perbelanjaan dan anggaran simpanan, maka kajian telah mengandaikan terdapat perbezaan dari segi tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

Berdasarkan fenomena tersebut, pihak penyelidik telah mengemukakan beberapa hipotesis penting iaitu:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap kesedaran penjawat awam berdasarkan faktor demografi, iaitu jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, pendapatan, tempoh perkhidmatan, gaji, jumlah perbelanjaan dan anggaran simpanan.

$H_{01.1}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan jantina.

$H_{01.2}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan umur.

Ho_{1.3}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan bangsa.

Ho_{1.4}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan status perkahwinan.

Ho_{1.5}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan pendapatan.

Ho_{1.6}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Ho_{1.7}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan gaji.

Ho_{1.8}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan jumlah perbelanjaan.

Ho_{1.9}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan anggaran simpanan.

Ho₂: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor pengetahuan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

Ho₃: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor sikap dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

Ho₄ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor penguatkuasaan undang-undang dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

Ho₅ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor kempen dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

2.12 Rumusan

Bab ini telah membincangkan secara menyeluruh mengenai ulasan karya berkaitan masalah keberhutangan, kesan dan pengaruh terhadap keberhutangan yang serius di kalangan penjawat awam. Dalam bab seterusnya, perbincangan akan tertumpu kepada metodologi kajian yang dijalankan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian merupakan satu alternatif penting dan perlu dijadikan sokongan bagi mendapatkan pengetahuan yang baharu dalam bidang pengurusan kewangan. Tambahan pula bagi sesuatu kajian yang mempunyai manfaat yang melibatkan kepada perubahan dan peningkatan dalam menguruskan organisasi seperti kajian ini.

Kaedah kajian merupakan salah satu proses yang paling penting bagi menghasilkan penyelidikan yang baik. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji sama ada wujud faktor pengaruh dalam tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

Bab tiga ini membincangkan kaedah-kaedah metodologi dalam kajian ini dan menentukan bentuk analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Bahagian ini terbahagi kepada beberapa bahagian yang akan dihuraikan satu-persatu termasuk rekabentuk kajian, skop kajian, kaedah pengumpulan data, kajian rintis dan kaedah menganalisis data bagi setiap objektif kajian. Ini disarankan oleh Malhotra, Steel & Grover (2007) yang menyatakan dengan terperinci proses penyelidikan yang betul kerana ia

berkait rapat dengan keputusan kajian bagi mencapai objektif-objektif kajian dengan sempurna.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk dalam metodologi kajian adalah amat diperlukan di mana ia juga penting bagi memastikan keberkesanan sesuatu kajian. Penyelidik memilih kaedah tinjauan dalam merekabentuk kajian. Kajian bentuk tinjauan adalah bersesuaian dengan bagi kajian ini kerana ia melibatkan proses pengumpulan maklumat daripada sejumlah besar kumpulan orang yang mewakili populasi kajian (Creswell, 1994). Selain itu, menurut Kerlinger (1973), kaedah tinjauan boleh dikendalikan secara besar-besaran tetapi bersistematik yang merupakan satu bentuk pengutipan data yang telah dirancang bagi tujuan meramal, membuat pemerihal dan menganalisis hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian.

Kaedah kuantitatif digunakan yang menggunakan soal selidik untuk mengumpul data kajian. Pengumpulan data yang menggunakan soal selidik adalah bersesuaian dengan kajian tinjauan yang dilaksanakan kerana populasi yang disasarkan di dalam kajian ini adalah besar. Mohd Majid (1990) menyatakan bahawa penggunaan soal selidik dalam mendapatkan data ataupun maklumat daripada sampel yang besar secara tidak langsung meningkatkan ketepatan anggaran sampel untuk mewakili parameter populasi. Tuckman (1978) menyatakan bahawa kaedah soal selidik adalah

populer dilakukan oleh penyelidik-peyelidik bagi kajian lepas dan menjurus kepada ketepatan maklumat yang hendak dikumpulkan.

Manfaat kaedah ini juga disokong oleh Sabitha Marican (2005) yang mendapati kaedah soal selidik sesuai kerana ia lebih berkesan kerana set soal selidik adalah pembuktian pengumpulan data, kos penyelidikan menjadi rendah dan lebih menjimatkan masa berbanding kaedah lain. Menurut Masri(2005), reka bentuk kajian akan menetapkan unit analisis, populasi, persampelan, pembolehubah, cara pengukuran, pengumpulan dan penapisan data. Kajian ini berbentuk perkiraan nombor dan formula tertentu untuk menghasilkan jadual, gambar rajah dan statistik bagi mencapai objektif kajian. Bahagian seterusnya adalah bahagian untuk menerangkan satu persatu elemen–elemen dalam reka bentuk kajian ini.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pengumpulan data utama atau yang lebih dikenali sebagai primier. Sekaran (2003) menyatakan terdapat beberapa jenis kaedah pengumpulan data primier yang digunakan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini. Kaedah tersebut adalah pemerhatian, tinjauan biasa, bancian, penyertaan dan kaedah tinjauan sampel kebarangkalian. Selepas membuat pembacaan teori-teori dan kaedah dari hasil kajian-kajian lepas, penyelidik membuat keputusan untuk memilih kaedah borang soal selidik untuk pengumpulan data.

Bagi kajian ini, penyelidik mengumpulkan data hasil daripada usaha pengumpulan maklumat asal yang dikumpulkan melalui sumber-sumber data sekunder sebagai sokongan dan dijadikan panduan untuk langkah seterusnya. Rasional pemilihan metod ini adalah kerana penyelidik perlu mendapatkan maklumat secara terus. Namun begitu, terdapat juga masalah yang berpunca daripada ketiadaan waktu responden untuk menjawab atau ditemuduga disebabkan tugas sebagai penjawat awam yang menjadi tonggak penting negara. Bagi proses pengumpulan data dijalankan, terdapat perkara penting yang perlu diambilkira iaitu mengetahui tentang populasi dan persampelan, instrumen kajian dan tempat kajian yang digunakan dalam proses pengumpulan data dijalankan.

3.3.1 Populasi dan Persampelan

Populasi bermaksud sekumpulan objek, benda, kejadian ataupun individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji oleh penyelidik. Bagi menjimatkan masa dan tenaga, kebanyakan penyelidik hanya menumpukan perhatian kepada sebahagian kecil daripada populasi dan seterusnya membuat generalisasi. Oleh yang demikian, mengenalpasti populasi sebagai langkah pertama adalah penting dalam sesuatu penyelidikan di mana ia menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpulkan dan dianalisis. Bagi menjalankan penyelidikan dengan berkesan, sesuatu kajian perlu mengenalpasti populasi dengan tepat dan jelas (Malholtra, 2007). Namun begitu, setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi berkemungkinan berbeza-beza dalam banyak segi, namun ia mestilah

mempunyai tidak kurang daripada satu ciri yang sama (Yusof, 2004). Manakala sampel ialah satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji bagi membolehkan kita membuat satu generalisasi berkaitan populasi itu (Rohana Yusof. al, 2004).

Bagi memulakan proses kajian, penyelidik menentukan dua perkara asas untuk mengutip data, iaitu sama ada untuk mengkaji keseluruhan populasi atau mengkaji sebahagian elemen daripada populasi kajian. Pemilihan sebahagian elemen yang terdapat dalam satu populasi disebut sebagai persampelan (Syed Arabi Idid, 1992).

Persampelan adalah berkenaan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Persampelan merupakan satu aspek penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahihan dan kebolehpercayaan kajian (Chua, 2006).

Manakala mengikut Sekaran (2003) pula menyatakan persampelan ialah proses memilih jumlah elemen yang mencukupi daripada populasi supaya kajian terhadap sampel dan pemahaman sifat-sifatnya membolehkan pengkaji membuat generalisasi atau kesimpulan secara umum tentang sifat-sifat populasi tersebut.

Populasi kajian ini adalah penjawat awam yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur. Manakala sampel diambil bagi mewakili populasi kajian. Kaedah

yang digunakan untuk mendapatkan sampel daripada responden adalah secara pensampelan kuota. Pensampelan kuota sebenarnya adalah sama seperti persampelan rawak berstrata. Kuota ditentukan dengan kawalan kuota atau kelompok, dimana saiz sampel akan diperolehi dari sub-kumpulan. Pensampelan kuota mempunyai syarat tersendiri iaitu di antara sub-kumpulan dengan sub-kumpulan yang lain mestilah mempunyai ciri-ciri yang berlainan tetapi individu di dalam kumpulan mempunyai ciri-ciri yang sama. Sub-kumpulan kajian ini adalah jabatan yang terpilih iaitu Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, INTAN (JPA), Angkatan Tentera Malaysia, Sungai Besi. Ciri-ciri sub-kumpulan dengan sub-kumpulan yang lain adalah berlainan dari segi jenis jabatan manakala unit di dalam kumpulan itu sendiri adalah mempunyai ciri yang sama iaitu di bawah satu tugas atau jabatan yang sama.

Setelah menggunakan pensampelan kuota, penjawat awam di dalam sub-kumpulan atau jabatan akan dipilih dengan menggunakan pensampelan rawak dan senarai nama penjawat awam bagi setiap jabatan diperlukan dalam pemilihan sampel untuk menjawab soal selidik. Jumlah populasi penjawat awam di Kuala Lumpur adalah dianggarkan adalah seramai 50,000 orang. Berdasarkan jumlah tersebut, kajian ini menggunakan jadual saiz sampel yang dibangunkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) iaitu dijangka seramai 381 orang. Penyelidik mengambil keputusan mengambil seramai 100 orang responden dari setiap jabatan terpilih berdasarkan senarai nama yang disediakan.

3.3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan data. Borang soal selidik ini terbahagi kepada enam bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D, bahagian E dan bahagian F. Bahagian A digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang demografi profil responden jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, pendapatan, tempoh perkhidmatan, gaji, jumlah perbelanjaan dan anggaran simpanan. Manakala bahagian B mengukur tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius dan mengandungi 5 soalan. Bahagian C mengandungi 7 soalan yang menghuraikan pengetahuan penjawat awam tentang masalah keberhutangan serius. Bahagian D mempunyai 15 soalan yang mengambil pendapat penjawat awam tentang sikap terhadap masalah ini. Manakala bahagian E adalah untuk mengetahui pendapat responden mengenai penguatkuasaan undang-undang terhadap masalah hutang yang serius ini dan mempunyai 5 soalan. Bahagian terakhir pula adalah mengenai kempen sebagai alternatif menangani masalah hutang di kalangan penjawat awam yang diukur dengan menggunakan 5 soalan.

Soal kaji selidik dilengkapi dengan arahan yang mudah difahami, namun begitu set kaji selidik ini diuji dalam kajian rintis dan kebolehpercayaan, kesahan dan kesahihan instrumen akan diuji sebelum data sebenar dikutip.

3.3.3 Tempat Kajian

Kajian ini akan dibuat di kalangan pengguna yang terdiri daripada penjawat awam yang bekerja di kawasan Kuala Lumpur dan dikhususkan kepada mereka yang bekerja di Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti (BPAS) dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Sungai Besi. Jabatan-jabatan yang terpilih adalah di antara jabatan yang ramai penjawat awam dan mempunyai statistik tertinggi terlibat dalam masalah berhutang.

3.3.4 Kadar Pulangan Borang Soal Selidik

Saiz sampel yang dikehendaki dalam kajian ini mengikut pensampelan kuota adalah seramai 381 orang responden. Namun begitu sebanyak 400 set soal kaji selidik diedarkan dan kadar pulangannya adalah seperti yang tertera di jadual 3.1. Berdasarkan Jadual 3.1 dapat dilihat bahawa sebanyak 300 set soal selidik atau 75 peratus telah dikembalikan daripada jumlah yang telah diedarkan. Sebanyak 25 peratus atau 100 soal kaji selidik tidak dikembalikan. Sebenarnya lebih tinggi perkadaran saiz sampel yang didapati dalam kajian adalah lebih bagus dan memberi impak yang baik dalam kenormalan data yang perlu dicapai, lebih-lebih lagi kajian ini menggunakan statistik inferensi sebagai salah satu kaedah menganalisis objektif-objektif kajian.

Kegagalan mendapatkan kembali borang soal selidik yang telah diedarkan adalah disebabkan kesukaran untuk mendapatkan kerjasama daripada responden yang telah dipilih untuk menjawab borang soal selidik dan disebabkan kekangan masa penyelidikan. Oleh yang demikian, analisis kajian ini hanya berdasarkan segala maklumat yang diperoleh daripada borang soal selidik yang telah dikembalikan sahaja. Justeru itu, kadar ini akan diuji kenormalan datanya bagi meneruskan kajian, sekiranya data tidak normal teknik transformasi perlu dijalankan. Ujian kenormalan data akan diuji dalam bahagian penelitian data.

Jadual 3.1 *Kadar pulangan borang soal selidik*

| Status | Bilangan (set) | Peratusan |
|--------------------|-----------------------|------------------|
| Dikembalikan | 300 | 75.0 |
| Tidak dikembalikan | 100 | 25.0 |

3.3.5 Kajian Rintis

Borg dan Gall (1979) menyatakan kajian rintis adalah permulaan percubaan sebelum item-item atau soalan-soalan dalam kajian sebenar dikenakan pada sampel sebenar. Tujuan kajian rintis dibuat adalah untuk mendapatkan ketelusan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu. Manakala, Roid & Haladyna (1982) menyatakan kajian rintis adalah penting bagi penyelidik memastikan arahan-arahan dalam soal selidik adalah jelas dan difahami, memeriksa kesesuaian dan kefahaman item-item dan menentukan sama ada bahasa yang digunakan adalah betul dan mudah difahami. Kramer & Charitable (1989) menyatakan kajian rintis ini adalah untuk mengetahui

anggaran masa pentadbiran soal selidik dan kebolehgunaannya di masa akan datang untuk penyelidikan lain dijadikan rujukan.

Bagi memastikan kesahihan pengukuran dalam kajian ini, terdapat dua ujian yang perlu diuji dalam kajian rintis, iaitu kebolehpercayaan, kesahan dan kesahihan. Borang soal selidik tersebut diedarkan kepada 30 orang penjawat awam dari mana-mana jabatan di Kuala Lumpur.

3.3.5.1 Ujian Kebolehpercayaan

Ujian kebolehpercayaan instrumen ialah suatu nilai ukuran untuk menentukan ketekalan skor bagi setiap item. Ketekalan bererti soal kaji selidik yang sama digunakan beberapa kali kepada subjek yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan dan memberikan keputusan yang hampir sama. Menurut Campbell dan Fiske (1959) kebolehpercayaan diertikan sebagai persetujuan antara dua usaha untuk mengukur sifat yang sama secara maksimum melalui kaedah yang sama.

Kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana dapatan kajian boleh diulang semula (Othman Lebar, 2007). Kebolehpercayaan ialah ketekalan sesuatu alat dalam melahirkan skor yang setara (Syaharom, 1990). Kesetaraan ini ditentukan dengan menggunakan instrumen tersebut berulang kali dengan menggunakan pelbagai subjek. Instrumen yang tinggi kebolehpercayaannya dapat melahirkan skor

yang sama atau hampir sama ke atas subjek. Pada asasnya kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu kajian menunjukkan sejauh manakah dapatan kajian menggambarkan dunia yang dikaji dengan tekal dan tepat. (Othman Lebar 2007).

Selain itu, konsep pengukuran ini adalah kaedah kuantitatif dilakukan untuk menguji kestabilan pengukuran yang digunakan. Bagi kajian ini, *Alpha Cronbach* digunakan untuk menguji kebolehpercayaan. *Alpha Cronbach* menunjukkan bagaimana item-item yang digunakan sebagai satu set pengukuran adalah berkaitan secara positif antara satu sama lain. Kebolehpercayaan sesuatu pengukuran diuji melalui ketekalan dan kestabilannya. Semakin hampir *Alpha Cronbach* kepada 1, semakin tinggi kebolehpercayaan terhadap ketekalannya (Hair et. al., 2007).

Dalam kajian ini , kebolehpercayaan diukur menggunakan *Rule of thumbs* bagi nilai *Apha Cronbach* oleh Hair et. al. (2007) yang dijadikan panduan bagi menunjukkan kekuatan sesuatu pengukuran adalah seperti yang ditunjukkan Jadual 3.2

Jadual 3.2 Nilai Alpha Cronbach

| Alpha | Kekuatan Perkaitan |
|--------------|---------------------------|
| <0.6 | Lemah |
| 0.6 - <0.7 | Sederhana |
| 0.7 - <0.8 | Baik |
| 0.8 - <0.9 | Sangat Baik |
| 0.9 ke atas | Cemerlang |

Sumber: Hair et al. (2007)

Berikut merupakan keputusan kebolehpercayaan bagi item-item dalam setiap pembolehubah.

Jadual 3.3 Nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis

| Pembolehubah | Jumlah Item | Nilai Alpha Cronbach |
|---------------------|--------------------|-----------------------------|
| Tahap Kesedaran | 5 | 0.836 |
| Pengetahuan | 7 | 0.752 |
| Sikap | 12 | 0.793 |
| Penguatkuasaan | 5 | 0.803 |
| Kempen | 5 | 0.723 |

Jadual 3.3 merupakan keputusan *Alpha Cronbach* bagi setiap item di dalam pembolehubah soal kaji selidik. Nilai *Alpha Cronbach* adalah bermula dari 0.723 sehingga nilai 0.836. Menurut *Rule of thumbs* bagi nilai *Apha Cronbach* oleh Hair et. al. (2007), item-item di dalam pembolehubah pengetahuan, sikap dan kempen mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik kerana berada di antara 0.70 hingga 0.80.

Manakala item-item di dalam pembolehubah tahap kesedaran, penguatkuasaan dan keseluruhan adalah sangat baik. Kesemua item-item dalam soal kaji selidik adalah berada di tahap sangat baik yang mempunyai nilai sebanyak 0.823. Secara keseluruhannya, soal kaji selidik kajian ini mencapai kebolehpercayaan yang baik dan boleh digunapakai pada kajian sebenar.

3.3.5.2 Kesahan dan Kesahihan Pengukuran

Kesahan dan kesahihan merupakan keupayaan sesuatu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis. Kesahihan dikatakan tinggi jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis kajian (Chua, 2006). Kesahihan (*validity*) pengukuran merujuk kepada sejauh mana alat pengukuran yang dibentuk mengukur data yang sepatutnya ia dikehendaki mengukur. Menurut Lim (2007), disebabkan kesahihan menyentuh hal interpretasi data, kesahihan juga berkait rapat dengan kualiti data itu sendiri. Ringkasnya, jikalau data tidak berkualiti, kesahihan interpretasi yang dibuat sudah pasti menimbulkan tanda tanya.

Menurut Masri (2005) memperincikan kesahihan pengukuran kepada tiga aspek, iaitu kesahihan kandungan (*content validity*), kesahihan muka (*face validity*) dan kesahihan binaan (*construct validity*). Menurutnya kesahihan kandungan merujuk kepada kesahihan

pengukuran pada kebolehan lisan dan tulisan dengan mengketepikan kebolehan lain seperti kreativiti dan pemikiran abstrak. Oleh itu kesahihan kandungan sesuatu alat bergantung kepada objektif bidang yang dikaji. Kesahihan muka pula merujuk kepada sejauh mana kaitan antara butir-butir dalam alat kajian dengan kriteria luaran yang dikaji. Kesahihan muka mempersoalkan sama ada butir-butir alat kajian sah mengukur kriteria yang hendak diukur.

Manakala kesahihan binaan pula merujuk kepada sejauh mana alat pengukuran itu menghasilkan gerak balas yang mewakili gagasan yang diukur. Oleh itu setiap gagasan yang hendak dikaji perlu didefinisikan dengan mengaitkan konsep-konsep yang membentuk gagasan berkenaan. Kajian ini adalah berpandukan Hair et. al. (2007), mengukur kesahan dan kesahihan dengan menggunakan analisis faktor dijalankan.

Kesahan diukur oleh Ujian Kaiser-Meyer-Olkin dan Bartlett's Sphericity, manakala nilai muatan faktor mengukur kesahihan. Berikut merupakan huraian bagi setiap ujian.

- i. Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) mestilah signifikan di mana nilai sepatutnya melebihi nilai paras keertian $\alpha=0.05$.
- ii. Ujian Bartlett's Sphericity mesti mempunyai nilai-p kurang dari nilai paras keertian, ($\alpha=0.05$).
- iii. Nilai pecahan rentap (*extraction*) dalam muatan faktor adalah melebihi 0.50.

Jadual 3.4 melaporkan ujian kesahan dan kesahihan untuk item-item di dalam pemboleh ubah tahap kesedaran. Nilai ujian KMO adalah 0.796 dan melebihi aras keertian $\alpha=0.05$. Manakala nilai ujian Bartlett's Sphericity adalah 0.000 dan kurang daripada aras keertian $\alpha=0.05$. Nilai muatan faktor bagi pemboleh ubah bersandar ini adalah bermula dari 0.639 hingga 0.805. Kesemua nilai muatan faktor adalah melebihi 0.50. Ini membuktikan bahawa soalan-soalan yang mengukur pemboleh ubah bersandar, tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius adalah mencapai tahap kesahan dan kesahihan.

Jadual 3.4 Keputusan Kesahan Dan Kesahihan bagi Soalan-soalan dalam Tahap Kesedaran

| Pemboleh ubah: Tahap Kesedaran (KMO=0.796, Bartlett's Test of Sphericity=0.000) | |
|---|----------------------|
| Soalan-soalan | Muatan faktor |
| Berpuas hati dengan jumlah wang yang boleh disimpan sekarang | 0.734 |
| Bimbang dengan jumlah hutang | 0.639 |
| Menghadapi kesukaran hidup dengan pendapatan sekarang | 0.795 |
| Bimbang dengan kebolehan untuk membayar perbelanjaan bulanan | 0.805 |
| Kewangan agak teratur | 0.756 |

Jadual 3.5 merupakan ujian kesahan dan kesahihan untuk item-item di dalam pemboleh ubah pengetahuan. Keputusan menunjukkan KMO melebihi aras keertian $\alpha=0.05$. Manakala nilai ujian Bartlett's

Sphericity adalah 0.000 dan kurang daripada aras keertian $\alpha=0.05$. Kesemua nilai muatan bagi item-item dalam pengetahuan adalah melebihi 0.50. Ini membuktikan bahawa soalan-soalan yang mengukur pembolehubah pengetahuan menangani masalah keberhutangan serius adalah mencapai tahap kesahan dan kesahihan

Jadual 3.5 Keputusan Kesahan dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Pembolehubah Pengetahuan

| Pembolehubah: Pengetahuan (KMO=0.641, Bartlett's Test of Sphericity=0.000) | |
|--|----------------------|
| Soalan-soalan | Muatan faktor |
| Keberhutangan serius melanggar peraturan pegawai awam (kelakuan dan tata tertib) | 0.675 |
| Keberhutangan serius boleh memburukkan nama jabatan dan perkhidmatan awam | 0.622 |
| Pegawai yang mengalami keberhutangan serius boleh dikenakan tindakan tata tertib | 0.926 |
| Pegawai yang mengalami keberhutangan serius boleh diisytiharkan bankrap | 0.612 |
| Keberhutangan serius boleh menjejaskan tumpuan dan prestasi pegawai terhadap tugas | 0.865 |
| Keberhutangan serius boleh menyebabkan pegawai lebih terdedah dengan gejala rasuah | 0.909 |
| Hutang lebih 60% daripada gajinya mengalami masalah keberhutangan serius | 0.778 |

Jadual 3.6 Keputusan Kesahan Dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Pembolehubah Sikap

| Pembolehubah:Sikap (KMO=0.742, Bartlett's Test of Sphericity=0.000) | |
|--|----------------------|
| Soalan-soalan | Muatan faktor |
| Memperuntukkan 10% gaji untuk simpanan | 0.724 |
| Berbelanja lebih daripada apa yang ada | 0.744 |
| Hutang kad kredit mencapai tahap maksimum | 0.623 |
| Selesaikan hutang kad kredit sepenuhnya bagi mengelak dikenakan caj faedah | 0.810 |
| Mempunyai masalah kewangan disebabkan tidak mempunyai wang yang mencukupi | 0.617 |
| Mempunyai bajet mingguan dan bulanan | 0.530 |
| Tidak mampu membayar bil-bil tertunggak | 0.817 |
| Tidak mampu membayar ansuran bulanan pinjaman dan hutang | 0.692 |
| Membuat pinjaman yang baru untuk menutup hutang yang lama | 0.736 |
| Mudah terhasut dan terpedaya dengan pujukan untuk melabur skim cepat kaya, jualan langsung, dan sebagainya | 0.873 |
| Bergantung kepada pendapatan tambahan untuk membayar perbelanjaan harian dan hutang | 0.897 |
| Tidak mempunyai dana kecemasan | 0.589 |

Jadual 3.6 di atas menunjukkan kesemua soalan-soalan dalam yang mengukur sikap adalah mencapai kesahan dan kesahihan dan boleh terus digunakan. KMO =0.742 yang melebihi aras keertian $\alpha =0.05$. Manakala nilai ujian Bartlett's Sphericity adalah 0.000 dan kurang daripada aras keertian $\alpha=0.05$. Kesemua nilai muatan bagi item-item dalam pengetahuan adalah melebihi 0.50. Ini menepati penanda aras yang telah ditetapkan dalam ujian ini.

Jadual 3.7 melaporkan ujian kesahan dan kesahihan untuk item-item di dalam pembolehubah penguatkuasaan undang-undang. Nilai ujian KMO adalah 0.695 dan melebihi aras keertian $\alpha=0.05$. Manakala nilai ujian Bartlett's Sphericity adalah 0.000 dan kurang daripada aras keertian $\alpha=0.05$. Nilai muatan faktor bagi pembolehubah bersandar ini adalah bermula dari 0.500 hingga 0.862. Kesemua nilai muatan faktor adalah melebihi 0.50. Ini membuktikan bahawa soalan-soalan yang mengukur penguatkuasaan undang-undang adalah sah dan sah untuk digunakan bagi langkah seterusnya.

Jadual 3.7 Keputusan Kesahan Dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Pembolehubah Penguatkuasaan Undang-Undang

| Pembolehubah: Penguatkuasaan Undang-Undang (KMO=0.695, Bartlett's Test of Sphericity=0.000) | |
|--|----------------------|
| Soalan-soalan | Muatan faktor |
| Undang-undang dan peraturan mengenai keberhutangan serius adalah tidak jelas | 0.500 |
| Undang-undang dan peraturan yang sedia ada mengenai keberhutangan serius tidak dikuatkuasakan | 0.805 |
| Hukuman dan tatatertib yg dikenakan terlalu ringan | 0.862 |
| Peraturan-peraturan untuk kelulusan pinjaman ole penjawat awam terlalu longgar | 0.773 |
| Peraturan-peraturan untuk kelulusan permohonan kad kredit terlalu longgar | 0.792 |

Jadual 3.8 merupakan ujian kesahan dan kesahihan soalan-soalan dalam pembolehubah kempen. Di dalam pembolehubah Kempen, soalan-soalannya adalah mencapai kesahan di mana keputusan

menunjukkan KMO melebihi aras keertian $\alpha=0.05$. Manakala nilai ujian Bartlett's Sphericity adalah 0.000 dan kurang daripada aras keertian $\alpha=0.05$. Soalan-soalan muatan faktor bagi item-item dalam kempen adalah melebihi 0.50 yang bermula dari nilai 0.770 hingga 0.985. Ini membuktikan bahawa soalan-soalan yang mengukur pembolehubah kempen menangani masalah keberhutangan serius adalah mencapai tahap kesahihan

Jadual 3.8 Keputusan Kesahan dan Kesahihan bagi Soalan-Soalan dalam Pembolehubah Kempen

| Pembolehubah: Kempen (KMO=0.641, Bartlett's Test of Sphericity=0.000) | |
|--|----------------------|
| Soalan-soalan | Muatan faktor |
| Berpuashati dengan kempen menangani masalah keberhutangan serius | 0.841 |
| Media massa telah membantu memahami tentang masalah keberhutangan serius | 0.843 |
| Mengetahui peranan yang dilaksanakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) | 0.985 |
| Sering terdedah dengan maklumat mengenai keberhutangan serius melalui media | 0.883 |
| Kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan dan AKPK telah memberikan kesan yang positif | 0.770 |

Kesemua soalan di dalam pembolehubah mempunyai tahap yang sah dan sahih, dan tiada soalan yang perlu di buang atau ditambah dalam setiap pembolehubah.

3.4 Kaedah Menganalisis Data

Kaedah menganalisis data diproses dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science (SPSS)* dan *Microsoft Excel*. Statistik deskriptif dan inferensi dipilih digunakan bagi tujuan penganalisan data. Selepas data dikutip menggunakan borang kaji selidik, analisis kajian akan dilakukan terhadap data yang diperolehi.

3.4.1 Penelitian Data

Sebelum analisis inferensi dijalankan, beberapa andaian data perlu dipenuhi dan akan diterangkan dalam bahagian penelitian data sebenar. Penelitian data kajian sebenar perlu dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan data perlu mencapai tahap kebolehpercayaan, bertaburan normal dan tiada masalah multikolinieriti. Sekiranya syarat kenormalan tercapai dan masalah linieriti tidak berlaku, statistik inferensi boleh dijalankan. Namun begitu sekiranya syarat tidak tercapai, teknik transformasi perlu dijalankan terhadap data bagi mencapai syarat dan membolehkan analisis seterusnya dijalankan untuk mencapai objektif kajian (Field, 2006). Dalam bahagian penelitian data, ujian kesahan dan kesahihan tidak perlu lagi dijalankan.

Berikut merupakan huraian Ujian yang akan digunakan dalam Bab 4 untuk mendapatkan analisis dan keputusan kajian:

i. Analisis Kenormalan

Berdasarkan Pallant (2005), kenormalan data boleh diuji dengan menggunakan pelbagai cara, iaitu rajah palang, rajah Q-Q Kolmogorov-Smirnov, Shapiro-Wilks, Skewness dan Kurtosis dan rajah kotak. Saiz sampel yang banyak seperti kajian ini boleh mencapai andaian signifikasi taburan normal dengan mudah berbanding dengan saiz pensampelan yang kecil. Memandangkan saiz sampel kajian kurang daripada saiz sampel yang sepatutnya, iaitu sebanyak 381 yang telah ditetapkan menggunakan jadual Krejcie Morgan (Sekaran, 2003), analisis ini sangat diperlukan kerana data yang didapati adalah 300 dan kurang dari data sebenar yang dikehendaki.

Ujian kenormalan ini perlu dijalankan bagi memastikan andaian parametrik tercapai kerana ia merupakan syarat menguji hipotesis yang menggunakan statistik inferensi. Ujian yang digunakan untuk menguji kenormalan data ini adalah Skewness dan Kurtosis dan nilainya hendaklah di antara ± 3 (George & Mallery, 2005). Ralat (*error*) adalah merupakan kemungkinan julat kesalahan yang boleh berlaku bagi setiap pembolehubah dalam kajian ini.

ii. **Ujian Multikolinieriti**

Permasalahan multikolinieriti adalah tidak sepatutnya wujud diantara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar. Multikolinieriti adalah merupakan masalah kekuatan yang wujud diantara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar yang menyebabkan ciri-ciri data adalah tidak linier. Sekiranya permasalahan multikolinieriti ini tiada dalam sesebuah kajian, ini bererti data adalah bertaburan secara linier.

Menurut Field (2000), beberapa cara boleh diimplimentasi untuk menguji masalah ini iaitu matrik korelasi dua pemboleh ubah, Faktor Inflasi Variasi (FIV) dan Matrik pekali. Kajian ini menggunakan Faktor inflasi Variasi dan berpandukan syarat yang ditetapkan oleh Guido Lüchters & Sayan Chakrabarty (2006), nilai FIV mestilah kurang daripada 10, sekiranya melebihi data adalah tidak linier dan wujud permasalahan dalam multikolinieriti di antara pemboleh ubah.

3.4.2 Statistik Deskriptif dan Inferensi

Terdapat dua bahagian analisis yang digunakan dalam kajian ini iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Huraian bagi kedua-dua analisis dalam kajian adalah seperti berikut:

i. Statistik Deskriptif

Statistik deskriptif adalah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan frekuensi, peratusan dan min bagi demografi profil responden. Seterusnya, statistik ini digunakan untuk mengetahui soalan-soalan yang paling dominan di dalam setiap pembolehubah.

Statistik deskriptif akan menerangkan bagaimana faktor yang paling dominan dalam setiap pembolehubah tahap kesedaran, pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen dalam kajian. Analisis ini bersesuaian dengan soalan yang menggunakan skala *Likert*. Penggunaan skala *Likert* bertujuan untuk menilai sejauh mana persetujuan responden terhadap sesuatu pernyataan yang terdapat dalam item. Ia merupakan skala interval dengan perbezaan dua mata pada skala adalah sama (Sekaran, 2003).

Statistik deskriptif yang diimplementasikan dalam kajian ini adalah kekerapan, peratusan dan skor min yang dikira dari ukuran skala ordinal lima mata. Skala dalam jadual 3.9 digunakan untuk pembolehubah tahap kesedaran, pengetahuan, penguatkuasaan undang-undang dan kempen.

Jadual 3.9 *Kategori Skala Ordinal Lima Mata bagi Persetujuan*

| Skala | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak pasti | Setuju | Sangat Setuju |
|-------|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|
| Skor | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Manakala jadual 3.10 adalah digunakan untuk bahagian D, iaitu pembolehubah sikap.

Jadual 3.10 *Kategori Skala Ordinal Empat Mata bagi Kekerapan*

| Skala | Tidak Pernah | Kadang-kadang | Biasanya | Sentiasa |
|-------|--------------|---------------|----------|----------|
| Skor | 1 | 2 | 3 | 4 |

Respon dari responden terhadap soalan yang menggunakan *skala likert* akan dikategorikan skor minnya mengikut tahap pencapaian yang dikelaskan dengan tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Kategori tahap ini abgi skala adalah mengikut pengiraan yang digunakan oleh Clapp and Beck (2009) yang digunakan dalam kajian sikap dan terapi. Sistem pemarkahan tahap yang dipilih ini sesuai

digunakan bagi membolehkan penyelidik mengetahui kategori item yang perlu diberi tumpuan dan dapat menentukan soalan-soalan yang paling dominan bagi setiap pembolehubah. Jadual 3.11 adalah merupakan laporan kategori tahap yang digunakan bagi setiap skor min.

Jadual 3.11 Tahap yang Digunakan Bagi Setiap Skor Min

| Petanda Tahap | Julat skor |
|----------------------|-------------------|
| Rendah | < 2.50 |
| Sederhana | 2.51 – 3.50 |
| Tinggi | >3.51 |

ii. Statistik Inferensi

Statistik inferensi digunakan adalah bertujuan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang ditetapkan dalam kajian. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, jadual 3.12 akan menerangkan satu-persatu statistik inferensi yang digunakan bagi setiap hipotesis yang ditetapkan.

Jadual 3.12 Ringkasan Pengujian Statistik Inferensi bagi Hipotesis Kajian

| Bil. | Hipotesis Kajian | Jenis Statistik |
|-------------|--|--|
| 1. | <p>H_1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran penjawat awam berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, pendidikan, tempoh perkhidmatan, gaji, jumlah perbelanjaan dan anggaran simpanan.</p> | <p>Ujian -t (Jantina)Anova (umur, bangsa, status perkahwinan, pendapatan, tempoh perkhidmatan, gaji, jumlah perbelanjaan dan anggaran simpanan.)</p> |
| 2. | <p>H_2 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara pengetahuan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.</p> | <p>Korelasi Pearson</p> |
| 3. | <p>H_3 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.</p> | <p>Korelasi Pearson</p> |

| Bil. | Hipotesis Kajian | Jenis Statistik |
|-------------|--|-------------------------|
| 4. | H_4 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara penguatkuasaan undang-undang dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam | Korelasi Pearson |
| 5. | H_5 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kempen dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. | Korelasi Pearson |
| 6. | $H_{6.1}$: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam | Regresi Linier Berganda |

Ujian t

Analisis Ujian t adalah untuk mengesan sama ada wujud perbezaan atau tidak sesuatu pembolehubah terhadap pembolehubah yang mengandungi dua kumpulan sahaja iaitu sebagai contoh dalam kajian ini jantina (lelaki dan perempuan). Terdapat beberapa syarat untuk menggunakan ujian t ini, iaitu data perlulah normal, kedua sampel kumpulan dalam data adalah bebas dan varians populasi adalah sama. Output perisian SPSS yang dititikberatkan adalah ujian t atau nilai p bagi ujian. Penyelidik akan membuat keputusan untuk menolak hipotesis nol (H_0) sekiranya nilai p kurang dari paras keertian (α).

Anova satu hala

ANOVA adalah satu kaedah pengujian hipotesis yang digunakan bagi menilai perbezaan min diantara dua atau lebih rawatan (atau populasi). ANOVA adalah kaedah yang membolehkan penyelidik membandingkan min daripada beberapa populasi, iaitu min suatu pembolehubah dari beberapa populasi berlainan. Analisis ini digunakan terhadap hipotesis yang ingin menguji perbezaan pembolehubah terhadap pemboleubah demografi yang mempunyai lebih daripada dua kumpulan.

Menguji hipotesis menggunakan ANOVA satu hala adalah dilakukan dengan memisahkan jumlah varian bagi data kepada dua varian berikut:

1. Varian yang dihasilkan oleh rawatan (lajur)
2. Ralat varian, atau bahagian dari jumlah varian yang tidak dapat diterangkan oleh rawatan.

Anova akan dikeluarkan oleh perisian SPSS dan ujian yang digunakan adalah nilai p terhadap ujian F statistik terhadap kesamaan min kedua-dua pembolehubah. Sekiranya nilai p bagi ujian F statistik kurang dari paras keertian (α) yang ditentukan oleh penyelidik, maka hipotesis nol (H_0) akan ditolak atau tidak diterima

Analisis Korelasi Pearson

Analisis korelasi Pearson ini dijalankan dijalankan untuk menentukan hubungkait satu pembolehubah dengan pembolehubah lain. Analisis ini dilakukan untuk melihat hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Ramai yang keliru di antara analisis ini dengan analisis regresi, menurut Field (2005), analisis korelasi Pearson adalah gambaran bagi mengetahui terdapat hubungkait atau tidak sesuatu pasangan pembolehubah itu, namun ia tidak dapat menentukan kesan, pengaruh dan akibat antara pembolehubah. Penyelidik seharusnya mengkaji nilai signifikan bagi ujian ini terlebih dahulu kerana ia hanya memberitahu apabila terdapat kekuatan.

Korelasi Pearson ini akan memberi kemungkinan pasangan pembolehubah mempunyai hubungan yang baik. Analisis ini adalah lebih pada pengukuran serakan variasi pada sesuatu pasangan pembolehubah.

Ujian analisis korelasi dalam kajian ini akan digunakan terhadap untuk menguji hubung dan tahap kesedaran sebagai pembolehubah bersandar. Analisis korelasi dilaksanakan untuk menentukan kadar pergerakan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut, sama ada pergerakannya mempunyai arah yang sama atau bertentangan antara satu sama lain dan juga untuk menentukan kedua-dua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan yang signifikan.

Analisis korelasi akan menghasilkan satu nilai, iaitu hubungan signifikan (*correlation coefficient*), yang mempunyai julat di antara nilai 0 hingga + 1 atau - 1. Nilai 0 menunjukkan tiada hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut, manakala nilai + 1 atau - 1 menunjukkan hubungan yang sempurna di antara kedua-dua pemboleh ubah. Nilai hubungan signifikan yang positif atau negatif menunjukkan arah hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Sekiranya nilai tersebut positif, bermakna arah pergerakan kedua-dua pemboleh ubah adalah sama dan jika nilainya negatif bermakna arah pergerakan kedua-dua pemboleh ubah adalah bertentangan antara satu sama lain. Nilai mutlak bagi hubungan signifikan menunjukkan kadar hubungan atau pergerakan antara kedua-dua pemboleh ubah yang

diuji. Namun harus diingat bahawa *nilai koefisien korelasi yang kecil (tidak signifikan) bukan berarti kedua pembolehubah tersebut tidak saling berhubungan yang akan diuji di bahagian seterusnya mengenai pengaruh yang menggunakan ujian regresi.*

Menurut Cohen (1988), kekuatan nilai hubungan signifikan, adalah seperti ditunjukkan di Jadual 3.13 di bawah:

Jadual 3.13 Kekuatan Hubungan signifikan

| Bil. | Nilai | Kekuatan Hubungan |
|-------------|--|--------------------------|
| 1. | 0.1 hingga 0.29 atau -0.1 hingga -0.29 | Lemah |
| 2. | 0.30 hingga 0.49 atau -0.30 hingga -0.49 | Sederhana |
| 3. | 0.50 hingga 1.0 atau -0.50 hingga -1.0 | Kuat |

Sumber : Cohen (1988)

Analisis Regresi Linier Berganda

Analisis regresi linier berganda adalah untuk mengukur nilai pengaruh pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Gujarati (2006) mendefinisikan analisis regresi sebagai kajian terhadap hubungan satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Analisis ini akan dijalankan dan ia merupakan satu metod yang digunakan oleh penyelidik dalam menentukan pengaruh, sebab-akibat satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Ia akan

menggunakan beberapa ujian untuk menentukan pengaruh yang signifikan terhadap satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Ujian yang digunakan adalah ujian F statistik dan nilai p bagi menguji hipotesis. Sekiranya nilai p bagi ujian F statistik kurang dari paras keertian (α) yang ditentukan oleh penyelidik, maka hipotesis nul (H_0) akan ditolak atau tidak diterima. Paras keertian (α) dalam kajian ini adalah 0.05. Dari analisis ini juga Korelasi Pearson; R diuji untuk menghuraikan kekuatan pengaruh pembolehubah. Namun begitu ujian ini dapat memberitahu faktor-faktor yang mana lebih mempengaruhi dengan melihat nilai beta (b).

3.5 Rumusan

Bab ini telah membincangkan secara menyeluruh mengenai kaedah atau metod kajian yang sesuai bagi mencapai tujuan utama kajian. Kaedah analisis juga dihuraikan satu-persatu bagi setiap hipotesis. Selain itu juga penggunaan kaedah yang betul juga dipilih dalam proses pengumpulan data atau maklumat dijalankan.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 ini membentangkan mengenai keputusan dan dapatan kajian yang telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan Microsoft Excel. Jumlah responden kajian adalah sebanyak 300 responden yang merupakan penjawat awam dan digunakan untuk menganalisis tujuan utama kajian iaitu mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani masalah keberhutangan serius.

Bahagian analisis keputusan dan dapatan ini akan terbahagi kepada tujuh bahagian yang penting bagi menjawab permasalahan, soalan dan hipotesis kajian serta sekaligus mencapai objektif kajian ini. Bahagian 4.2 menggambarkan maklumat peribadi atau demografi responden jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, pendidikan, tempoh perkhidmatan, gaji, jumlah perbelanjaan dan anggaran simpanan sebulan. Seterusnya Bahagian 4.3 akan membentangkan keputusan bagi penelitian data sebelum statistik inferensi di jalankan.

Bahagian 4.4 merupakan bahagian yang melibatkan analisis deskriptif bagi menentukan faktor-faktor yang dominan dalam setiap pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Bahagian 4.5 pula melaporkan perbezaan tahap

kesedaran menangani masalah keberhutangan serius oleh penjawat awam mengikut n demografi profil yang terpilih. Bahagian 4.6 merupakan bahagian yang melaporkan keputusan hubungkait di antara faktor-faktor yang mempengaruhi iaitu pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang- undang dan kempen terhadap tahap kesedaran penjawat awam. Bahagian terakhir, bahagian 4.7 akan merumuskan mengenai bab dapatan dan keputusan kajian ini.

4.2 Demografi Profil

Bahagian ini akan menerangkann maklumat peribadi penjawat awam yang ditanya dalam Bahagian A di dalam soal kaji selidik. Statistik deskriptif digunakan untuk membentangkan keputusan demografi profil responden di mana seramai 300 orang penjawat awam terlibat dalam kajian ini. Maklumat peribadi responden yang akan dihuraikan satu persatu adalah mengenai jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, pendidikan, tempoh perkhidmatan, gaji, jumlah perbelanjaan dan anggaran simpanan sebulan oleh responden. Huraianya adalah seperti berikut:

4.2.1 Jantina

Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina

| Jantina | Kekerapan | Peratus |
|----------------|------------------|----------------|
| Lelaki | 172 | 57.3 |
| Perempuan | 128 | 42.7 |
| Jumlah | 300 | 100 |

Jadual 4.1 merupakan taburan kekerapan dan peratus mengikut jantina penjawat awam yang dikaji. Taburan di atas menunjukkan majoriti responden adalah lelaki iaitu 172 atau 57.3 peratus. Perempuan adalah seramai 128 orang atau 42.7 peratus.

4.2.2 Umur

Jadual 4.2 adalah merupakan taburan bagi umur responden. Taburan menunjukkan majoriti responden adalah berumur 26 hingga 30 tahun di mana mempunyai kekerapan dan peratus 124 orang atau 41.3 peratus. Kedua tertinggi adalah responden yang berada di peringkat umur 31 hingga 35 tahun iaitu seramai 57 orang atau 19 peratus. Seterusnya responden yang berumur 46 tahun ke atas atau dikenali sebagai senior di dalam jabatan, di mana mencatatkan seramai 45 orang atau 15 peratus. Responden yang berumur 25 tahun ke bawah merupakan kelompok umur keempat tertinggi yang mencatatkan taburan sebanyak 42 orang atau 14 peratus. Umur responden yang berada diantara 36 hingga 40 tahun adalah seramai 22 orang atau 7.3 peratus. Statistik menunjukkan tidak ramai penjawat awam di peringkat umur 41 hingga 45 tahun iaitu seramai 10 orang atau 3.3 peratus.

Jadual 4.2 Taburan Umur Responden

| Umur | Kekerapan | Peratus |
|-----------------------|------------------|----------------|
| 25 tahun dan ke bawah | 42 | 14 |
| 26 -30 tahun | 124 | 41.3 |
| 31 - 35 tahun | 57 | 19 |
| 36 - 40 tahun | 22 | 7.3 |
| 41 - 45 tahun | 10 | 3.3 |
| 46 tahun dan ke atas | 45 | 15 |
| Jumlah | 300 | 100 |

4.2.3 Bangsa

Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa

| Bangsa | Kekerapan | Peratus |
|---------------|------------------|----------------|
| Melayu | 286 | 95.3 |
| China | 1 | 0.3 |
| India | 7 | 2.3 |
| Lain-lain | 6 | 2 |
| Jumlah | 300 | 100 |

Jadual 4.3 di atas merupakan taburan mengenai bangsa responden yang menunjukkan kekerapan yang paling tinggi adalah responden yang berbangsa Melayu. Taburan menunjukkan angka yang tinggi bagi responden Melayu iaitu 286 atau 95.3 peratus. Namun begitu, terdapat juga India seramai 7 orang atau 2.3 peratus, lain-lain 6 orang atau 2 peratus dan hanya seorang adalah Cina.

4.2.4 Taraf Perkahwinan

Jadual 4.4 di bawah adalah merupakan taburan status perkahwinan responden. Kebanyakan responden adalah berkahwin iaitu seramai 179 orang atau 59.7 peratus. Bujang adalah seramai 115 orang atau 38.3 peratus. Seramai 6 orang atau 2 peratus adalah duda ataupun janda.

Jadual 4.4 Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

| Taraf Perkahwinan | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|------------------|----------------|
| Bujang | 115 | 38.3 |
| Berkahwin | 179 | 59.7 |
| Duda/Janda | 6 | 2 |
| Jumlah | 300 | 100 |

4.2.5 Tahap Pendidikan Tertinggi

Jadual 4.5 adalah merupakan taburan responden mengikut pendidikan. Jadual ini menunjukkan kebanyakan responden memiliki MCE/SPM/HSC/STPM iaitu seramai 196 orang atau 65.3 peratus. Kedua adalah diploma lanjutan atau ijazah, seramai 43 atau 14.3 peratus yang mempunyai pendidikan diperingkat ini. Selain itu juga, seramai 40 orang atau 13.3 peratus menyatakan responden mempunyai Diploma. Namun begitu responden yang mempunyai Sarjana/Doktor Falsafah adalah seramai 10 orang atau 3.3 peratus.

Jadual 4.5 Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi

| Tahap Pendidikan Tertinggi | Kekerapan | Peratus |
|-----------------------------------|------------------|----------------|
| MCE/SPM/HSC/STPM | 196 | 65.3 |
| Diploma | 40 | 13.3 |
| Diploma Lanjutan/Ijazah | 43 | 14.3 |
| Sarjana/Doktor Falsafah | 10 | 3.3 |
| Jumlah | 289 | 96.3 |

4.2.6 Tempoh perkhidmatan

Jadual 4.6 merupakan taburan bagi tempoh perkhidmatan responden/ Berdasarkan jadual tersebut, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah responden yang telah berkhidmat dalam 6 atau 10 tahun iaitu seramai 96 orang atau 32 peratus. Namun begitu responden yang berkhidmat dalam tempoh perkhidmatan 1 hingga 5 tahun adalah responden yang kedua tertinggi dalam kajian ini iaitu sebanyak 93 orang atau 31 peratus. Seterusnya adalah responden yang telah berkhidmat selama lebih dari 21 tahun iaitu 42 orang atau 14 peratus. Keempat tertinggi adalah responden yang telah bekerja dari 11 hingga 15 tahun di mana seramai 35 orang atau 11.7 peratus. Seramai 15 orang atau 5 peratus responden yang berkhidmat selama 16 hingga 20 tahun.

Jadual 4.6 Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan

| Tempoh Perkhidmatan | Kekerapan | Peratus |
|----------------------------|------------------|----------------|
| Bawah 1 tahun | 19 | 6.3 |
| 1-5 Tahun | 93 | 31 |
| 6 -10 Tahun | 96 | 32 |
| 11-15 Tahun | 35 | 11.7 |
| 16 - 20 Tahun | 15 | 5 |
| Lebih 21 Tahun | 42 | 14 |
| Jumlah | 300 | 100 |

4.2.7 Gaji dan Elaun Sebulan

Jumlah gaji dan elaun semasa di jadual 4.7 di bawah merupakan taburan gaji dan elaun semasa dalam sebulan yang diperolehi penjawat awam yang terpilih. Mengikut taburan tersebut, jumlah gaji yang tertinggi adalah antara RM1,501 hingga RM2,000 iaitu seramai 85 orang atau 28.3 peratus. Kedua tertinggi adalah responden yang mempunyai tangga gaji dari RM1,500 dan ke bawah. Selain itu juga, sebanyak 78 orang atau 26 peratus yang merupakan responden mendapat gaji dari RM2,001 hingga RM3,000. Seramai 30 orang atau 10 peratus mereka yang memperolehi gaji dari RM3,001 hingga RM4,000. Hanya 8 orang atau 2.7 peratus penjawat awam yang mempunyai gaji RM5,001 ke atas.

Jadual 4.7 Taburan Responden Mengikut Gaji dan Elaun

| Jumlah Gaji dan Elaun Semasa (Sebulan) | Kekerapan | Peratus |
|---|------------------|----------------|
| RM1,500 dan ke bawah | 84 | 28 |
| RM 1,501-RM2,000 | 85 | 28.3 |
| RM2,001-RM3,000 | 78 | 26 |
| RM3,001-RM4,000 | 30 | 10 |
| RM4,001-RM5,000 | 12 | 4 |
| RM5,001 dan ke atas | 8 | 2.7 |
| Jumlah | 297 | 99 |

4.2.8 Jumlah Perbelanjaan Sebulan

Jadual 4.8 di bawah merupakan statistik bagi taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan. Taburan tersebut menunjukkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah RM1,001 hingga RM1,500 yang dibelanjakan oleh 115 orang atau 38.3 peratus. Kedua, adalah penjawat awam yang membelanjakan wang sebanyak RM1,000 dan ke bawah iaitu seramai 70 orang atau 23.3 peratus. Terdapat 45 orang atau 15 peratus responden berbelanja sebanyak RM1,501-RM2,000. Seterusnya, seramai 30 orang atau 10 peratus. Seramai 25 orang atau 8.3 peratus adalah jumlah responden yang membelanjakan wang sebanyak RM2,501-RM3,000. Namun begitu, terdapat juga responden yang membelanjakan wang untuk kehidupan harian yang berjumlah lebih dari RM3,001 iaitu 15 orang atau 5 peratus.

Jadual 4.8 Taburan Responden Mengikut Jumlah Perbelanjaan Sebulan

| Jumlah Perbelanjaan Sebulan | Kekerapan | Peratus |
|------------------------------------|------------------|----------------|
| RM1,000 dan ke bawah | 70 | 23.3 |
| RM1,001-RM1,500 | 115 | 38.3 |
| RM1,501-RM2,000 | 45 | 15 |
| RM2,001-RM2,500 | 30 | 10 |
| RM2,501-RM3,000 | 25 | 8.3 |
| RM3,001 dan ke atas | 15 | 5 |
| Jumlah | 300 | 100 |

4.2.9 Jumlah Simpanan Atau Tabungan Sebulan

Taburan yang ditunjukkan dalam jadual 4.9 di bawah, adalah jumlah wang yang disimpan atau tabungan responden untuk sebulan. Taburan tersebut menunjukkan jumlah simpanan responden adalah sedikit jika dibandingkan dengan taburan di jadual 4.7, di mana responden mempunyai angka yang lebih banyak untuk membelanjakan wang dalam masa sebulan. Jadual 4.8 menunjukkan jumlah yang tertinggi simpanan responden adalah RM100 dan ke bawah iaitu seramai 113 orang atau 37.7 peratus. Kedua adalah RM101 hingga RM200 iaitu 59 orang atau 19 peratus. Seramai 57 orang atau 19 peratus merupakan jumlah responden yang membuat simpanan dari RM201 hingga RM300. Seterusnya, seramai 42 orang atau 14 peratus adalah responden yang membuat simpanan sebanyak RM301 hingga RM501. Namun begitu terdapat juga responden yang membuat simpanan RM501 hingga RM1,001 iaitu seramai 20 orang atau 6.7 peratus. Hanya 4 orang atau

1.3 peratus adalah jumlah responden yang menyimpan wang mereka dari RM1,001 ke atas.

Jadual 4.9 Taburan Responden Mengikut Jumlah Simpanan

| Jumlah Simpanan atau Tabungan Sebulan | Kekerapan | Peratus |
|--|------------------|----------------|
| RM100 dan ke bawah | 113 | 37.7 |
| RM101 - RM200 | 59 | 19.7 |
| RM201-RM300 | 57 | 19.0 |
| RM301-RM500 | 42 | 14.0 |
| RM501-RM1,000 | 20 | 6.7 |
| RM1,001 dan ke atas | 4 | 1.3 |
| Jumlah | 295 | 98.3 |

4.3 Penelitian Data

Penelitian data adalah lebih kepada eksplorasi data sebelum menjalankan statistik inferensi. Dalam bahagian ini data akan diuji dari segi ciri-ciri kebolehpercayaan, kenormalan dan linier. Ia adalah merupakan andaian atau syarat yang perlu dicapai oleh penyelidik sebelum mencapai objektif yang perlu dijawab menggunakan kaedah statistik bersifat inferensi (Field,2005)

4.3.1 Ujian Kebolehpercayaan

Analisis kebolehpercayaan sekali lagi diuji pada data sebenar kajian. Jadual 4.10 menunjukkan keputusan *Alpha Cronbach* bermula daripada 0.733 sehingga 0.850. Kesemua nilai *Alpha Cronbach* adalah lebih dari 0.70 dan ini

menunjukkan item-item di dalam pembolehubah adalah diterima dan telah mencapai ukuran kebolehpercayaan dan sekaligus mencapai syarat konsisten. Semua soalan sebagai pengukur dalam kajian ini adalah boleh digunapakai oleh penyelidik lain di masa hadapan.

Jadual 4.10 Keputusan Kebolehpercayaan Data Sebenar

| Pembolehubah | Jumlah Item | Nilai Alpha Cronbach |
|--|--------------------|-----------------------------|
| Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan | 5 | 0.850 |
| Pengetahuan Tentang Masalah Keberhutangan Serius | 7 | 0.795 |
| Sikap Tentang Masalah Keberhutangan Serius | 12 | 0.801 |
| Penguatkuasaan Undang-undang | 5 | 0.733 |
| Kempen | 5 | 0.757 |
| Keseluruhan | 34 | 0.733 |

4.3.2 Ujian Kenormalan Data

Pendapat Pallan (2005), kenormalan data boleh diuji dengan menggunakan pelbagai cara iaitu Kolmogorov-Smirnov, Shapiro-Wilks, Skewness dan Kurtosis, rajah palang, rajah Q-Q dan rajah kotak. Saiz sampel yang banyak di dalam sesuatu set data akan dapat mencapai andaian signifikansi taburan normal dengan mudah berbanding dengan saiz pensampelan yang kecil. Memandangkan saiz sampel adalah 300 dan kurang daripada saiz sampel yang sepatutnya iaitu sebanyak 381, analisis ini sangat diperlukan.

Ujian kenormalan ini perlu dijalankan bagi memastikan andaian parametrik tercapai kerana ia merupakan syarat menguji hipotesis yang menggunakan statistik inferensi yang dilaksanakan untuk menjawab objektif. Penyelidik mengambil keputusan untuk menguji kenormalan data menggunakan Skewness dan Kurtosis dan nilainya hendaklah di antara ± 3 yang di sarankan oleh George dan Mallery (2005).

Jadual 4.11 merupakan keputusan bagi ujian kenormalan yang menggunakan Skewness dan Kurtosis. Keputusan tersebut menunjukkan nilai ralat piawai bagi Kurtosis adalah sebanyak 0.281 dan Skewness adalah 0.141. Ralat piawai adalah nilai julat kemungkinan kesalahan (*error*) berlaku di dalam data dan nilai tersebut adalah baik kerana kurang dari 1.0.

Jadual 4.11 Keputusan Kenormalan Data Sebenar

| Pembolehubah | Kurtosis | | Skewness | |
|------------------------------|----------|--------------|----------|--------------|
| | Nilai | Ralat Piawai | Nilai | Ralat Piawai |
| Tahap Kesedaran | 0.631 | 0.281 | -0.428 | 0.141 |
| Pengetahuan | 1.462 | 0.281 | -0.494 | 0.141 |
| Sikap | 0.285 | 0.281 | 0.948 | 0.141 |
| Penguatkuasaan undang-undang | -0.259 | 0.281 | -0.277 | 0.141 |
| Kempen | 0.387 | 0.281 | -0.573 | 0.141 |

Nilai Skewness dan Kurtosis bagi pembolehubah tahap kesedaran adalah dari -0.428 hingga 0.631. Pengetahuan mempunyai nilai Skewness dan Kurtosis dari -0.494 hingga 1.462. Seterusnya nilai Skewness dan Kurtosis bagi

pembolehubah sikap adalah dari 0.285 hingga 0.948 Penguatkuasaan undang-undang pula mempunyai nilai Skewness dan Kurtosis bermula dari -0.259 hingga -0.277. Pembolehubah kempen mencatatkan nilai Skewness dan Kurtosis sebanyak -0.573 hingga 0.387. Kesemua keputusan nilai Skewness dan Kurtosis bagi setiap pembolehubah mempunyai nilai di antara antara ± 3 yang di sarankan oleh George and Mallery (2005) dan membuktikan bahawa data mencapai syarat kenormalan walaupun peratusan pulangan set soal selidik adalah sebanyak 75 peratus daripada jumlah 381 responden yang perlu dicapai.

4.3.3 Ujian Multikolinieriti

Menurut Field (2000), beberapa cara boleh diimplimentasi untuk menguji masalah ini iaitu matrik korelasi dua pembolehubah, Faktor Inflasi Variasi (FIV) dan Matrik pekali. Kajian ini menggunakan Faktor Inflasi Variasi dan berpandukan syarat yang ditetapkan oleh Guido Lüchters & Sayan Chakrabarty (2006), nilai FIV mestilah kurang daripada 10, sekiranya melebihi data adalah tidak linier dan wujud permasalahan dalam multikolinieriti di antara pembolehubah.

Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk mengetahui permasalahan multikolinieriti yang tidak sepatutnya wujud di antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Multikolinieriti adalah merupakan masalah kekuatan yang wujud diantara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar yang menyebabkan ciri-ciri data adalah tidak linier. Sekiranya permasalahan

multikolinieriti ini tiada dalam sesebuah kajian, ini bererti data adalah bertaburan secara linier. Berikut merupakan keputusan ujian ini.

Jadual 4.12 Keputusan Multikolinieriti Data Sebenar

| Pembolehubah | FIV |
|------------------------------|------------|
| Pengetahuan | 1.100 |
| Sikap | 1.213 |
| Penguatkuasaan Undang-undang | 1.128 |
| Kempen | 1.033 |

Jadual 4.12 menunjukkan nilai FIV bagi setiap pembolehubah adalah melebihi 1.0 di mana pengetahuan adalah sebanyak 1.10, sikap 1.213, penguatkuasaan undang-undang 1.128 dan kempen 1.033. Ini menunjukkan permasalahan multikolinieriti tidak wujud dan data adalah linier.

4.4 Item-item yang Dominan dalam setiap Pembolehubah

Analisis deskriptif digunakan untuk mengetahui item-item yang paling dominan dalam setiap pembolehubah. Item-item disusun mengikut keutamaan atau turutan tertinggi bagi skor min.

4.4.1 Analisis Deskriptif bagi Tahap Kesedaran

Jadual 4.13 Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Tahap Kesedaran

| Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius. | | | |
|--|-----------------|-----------------------|----------------|
| Item | Skor Min | Sisihan Piawai | Turutan |
| Bimbang dengan jumlah hutang | 3.39 | 1.17 | 1 |
| Menghadapi kesukaran hidup dengan pendapatan sekarang | 3.26 | 1.13 | 2 |
| Kewangan agak teratur | 3.22 | 0.92 | 3 |
| Bimbang dengan kebolehan untuk membayar perbelanjaan bulanan | 3.15 | 1.08 | 4 |
| Berpuas hati dengan jumlah wang yang boleh disimpan sekarang | 2.51 | 1.02 | 5 |

Jadual 4.13 merupakan keputusan analisis deskriptif bagi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan. Item yang paling dominan adalah tahap kesedaran di mana responden bimbang dengan jumlah hutang yang dimiliki (Skor min=3.39, Sisihan Piawai=1.17). Seterusnya adalah item menghadapi kesukaran hidup dengan pendapatan sekarang (Skor min =3.26, Sisihan Piawai = 1.13). Item ketiga yang mempunyai skor min tertinggi adalah kewangan responden agak teratur (Skor Min=3.22, Sisihan piawai= 0.92). Seterusnya, responden berasa bimbang dengan kebolehan untuk membayar perbelanjaan bulanan dan merupakan item keempat tertinggi (Skor min =3.15, Sisihan piawai= 1.08). Item yang kelima adalah responden berpuas hati dengan jumlah wang yang boleh disimpan sekarang (Skor min=2.51, Sisihan piawai= 1.02). Turutan item yang pertama hingga kelima mempunyai skor min di tahap yang sederhana.

4.4.2 Analisis Deskriptif bagi Pengetahuan

Jadual 4.14 Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Pengetahuan

| Pengetahuan Tentang Masalah Keperhutangan Serius | | | |
|--|-----------------|-----------------------|----------------|
| Item | Skor Min | Sisihan Piawai | Turutan |
| Hutang lebih 60% daripada gajinya mengalami masalah keperhutangan serius | 3.86 | 0.89 | 1 |
| Keperhutangan serius boleh memburukkan nama jabatan dan perkhidmatan awam | 3.84 | 0.99 | 2 |
| Keperhutangan serius boleh menyebabkan pegawai lebih terdedah dengan gejala rasuah | 3.81 | 0.99 | 3 |
| Keperhutangan serius boleh menjejaskan tumpuan dan prestasi pegawai terhadap tugas | 3.78 | 1.12 | 4 |
| Keperhutangan serius melanggar peraturan pegawai awam (kelakuan dan tata tertib) | 3.77 | 1.03 | 5 |
| Pegawai yang mengalami keperhutangan serius boleh diisytiharkan bankrap | 3.20 | 1.08 | 6 |
| Pegawai yang mengalami keperhutangan serius boleh dikenakan tindakan tata tertib | 3.12 | 1.08 | 7 |

Jadual 4.14 merupakan analisis deskriptif bagi pembolehubah pengetahuan yang diukur oleh 7 item dalam soal kaji selidik. Item yang paling dominan adalah hutang lebih 60% daripada gajinya mengalami masalah keperhutangan serius (Skor min=3.86, Sisihan piawai=0.89). Item kedua yang tertinggi adalah keperhutangan serius boleh memburukkan nama jabatan dan perkhidmatan awam (skor min=3.84, Sisihan piawai=0.99). Ketiga, keperhutangan serius boleh menyebabkan pegawai lebih terdedah dengan

gejala rasuah (Skor min=3.81, Sisihan piawai=0.09). Seterusnya, item keberhutangan serius boleh menjejaskan tumpuan dan prestasi pegawai terhadap tugas (Skor min=3.78, Sisihan piawai=1.12). Diikuti pula, keberhutangan serius melanggar peraturan pegawai awam (kelakuan dan tatatertib) (Skor min=3.77, Sisihan piawai=1.03). Skor min bagi turutan item yang pertama hingga kelima berada di tahap yang tinggi.

Item keenam dalam pembolehubah tahap kesedaran adalah responden sedar bahawa pegawai yang mengalami keberhutangan serius boleh diisytiharkan bankrap (Skor min=3.20, Sisihan piawai=1.08). Manakala item yang terakhir adalah pegawai yang mengalami keberhutangan serius boleh dikenakan tindakan tatatertib (Skor min=3.12, Sisihan piawai=1.08). Skor min bagi kedua-dua item keenam dan ketujuh ini adalah di tahap yang sederhana.

4.4.3 Analisis Deskriptif bagi Sikap

Jadual 4.15 Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Sikap

| Sikap Terhadap Masalah Keberhutangan | | | |
|---|-----------------|-----------------------|----------------|
| Item | Skor Min | Sisihan Piawai | Turutan |
| Memperuntukkan 10% gaji untuk simpanan | 2.60 | 0.90 | 1 |
| Mempunyai bajet mingguan dan bulanan | 2.53 | 0.90 | 2 |
| Mempunyai masalah kewangan disebabkan tidak mempunyai wang yang mencukupi | 2.39 | 1.08 | 3 |
| Tidak mempunyai dana kecemasan | 2.24 | 1.12 | 4 |

| | | | |
|--|------|------|----|
| Bergantung kepada pendapatan tambahan untuk membayar perbelanjaan harian dan hutang | 2.20 | 1.10 | 5 |
| Berbelanja lebih daripada apa yang ada | 2.20 | 0.81 | 6 |
| Selesaikan hutang kad kredit sepenuhnya bagi mengelak dikenakan caj faedah | 1.97 | 1.14 | 7 |
| Membuat pinjaman yang baru untuk menutup hutang yang lama | 1.85 | 1.07 | 8 |
| Tidak mampu membayar ansuran bulanan pinjaman dan hutang | 1.85 | 1.02 | 9 |
| Mudah terhasut dan terpedaya dengan pujukan untuk melabur skim cepat kaya, jualan langsung, dan sebagainya | 1.69 | 0.98 | 10 |
| Tidak mampu membayar bil-bil tertunggak | 1.60 | 0.74 | 11 |
| Hutang kad kredit mencapai tahap maksimum | 1.34 | 0.71 | 12 |

Sikap penjawat awam terhadap isu keberhutangan serius ini diukur dengan 12 item pengukuran. Jadual 4.15 di atas menunjukkan terdapat dua item yang mempunyai skor min yang sederhana iaitu memperuntukkan 10% gaji untuk simpanan (Skor min=2.60, Sisihan piawai=0.90) dan mempunyai bajet mingguan dan bulanan (Skor min =2.53, Sisihan piawai=0.90). Kedua-dua item adalah faktor dominan dalam sikap penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan yang serius ini.

Sepuluh item yang seterusnya dan mempersoalkan sikap negatif responden dalam menangani isu keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Item ketiga tertinggi hingga akhir mempunyai skor min yang rendah,

iamembuktikan sikap responden dalam kajian ini adalah bertingkah laku baik dalam menangani permasalahan ini. Skor min yang rendah tersebut membuktikan kurang jumlah responden menyatakan wujudnya masalah kewangan yang tidak mencukupi, tidak mempunyai dana kecemasan, bergantung kepada pendapatan tambahan untuk membayar hutang, berbelanja lebih dari apa yang ada, menyelesaikan kad kredit, membuat pinjaman baru, tidak mampu membayar ansuran bulanan pinjaman dan hutang, mudah terhasut dan terpedaya dengan pajakan untuk melabur ke dalam skim yang tidak sepatutnya, tidak mampu membayar bil bulanan dan mempunyai hutang kad kredit yang maksimum.

4.4.4 Analisis Deskriptif bagi Penguatkuasaan Undang-Undang

Jadual 4.16 Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Penguatkuasaan Undang-Undang

| Penguatkuasaan Undang-undang Terhadap Masalah Keberhutangan Serius | | | |
|---|---------------------|---------------------------|----------------|
| Item | Skor Min | Sisihan Piawai | Turutan |
| Undang-undang dan peraturan yang sedia ada mengenai keberhutangan serius tidak dikuatkuasakan | 3.47 | 0.96 | 1 |
| Undang-undang dan peraturan mengenai keberhutangan serius adalah tidak jelas | 3.44 | 1.01 | 2 |
| Peraturan-peraturan untuk kelulusan permohonan kad kredit terlalu longgar | 3.39 | 1.25 | 3 |
| Peraturan-peraturan untuk kelulusan pinjaman oleh penjawat awam terlalu longgar | 3.37 | 1.28 | 4 |
| Hukuman dan tata tertib yg dikenakan terlalu ringan | 3.08 | 0.98 | 5 |

Jadual 4.16 melaporkan keputusan analisis deskriptif bagi pembolehubah penguatkuasaan undang-undang dan diukur menggunakan 5 soalan. Kesemua item dalam pembolehubah ini adalah melebihi 3.00. Namun begitu, tumpuan utama adalah item yang paling dominan di mana responden mempunyai pendapat bahawa penguatkuasaan undang-undang masih tidak dikuatkuasakan sepenuhnya lagi (Skor Min=3.47, Sisihan piawai 0.96). Kedua tertinggi adalah undang-undang dan peraturan mengenai keberhutangan serius adalah tidak jelas (Skor Min=3.44, Sisihan piawai 1.01). Ketiga, peraturan-peraturan untuk kelulusan permohonan kad kredit terlalu longgar (Skor Min=3.39, Sisihan piawai 1.25).

Seterusnya, responden menyatakan peraturan-peraturan untuk kelulusan pinjaman oleh penjawat awam terlalu longgar (Skor Min=3.37, Sisihan piawai 1.28). Mengikut turutan item yang kelima mempunyai skor min yang terendah adalah hukuman dan tata tertib yang dikenakan terlalu ringan (Skor Min=3.08, Sisihan piawai 0.98). Ini bererti bahawa responden mengakui hukuman tata tertib yang dikenakan adalah berat sekiranya penjawat awam dikategorikan sebagai penghutang yang serius.

4.4.5 Analisis Deskriptif Bagi Kempen

Jadual 4.17 Analisis Deskriptif Bagi Pembolehubah Kempen

| Kempen Menangani Masalah | | | |
|--|-----------------|-----------------------|----------------|
| Item | Skor Min | Sisihan Piawai | Turutan |
| Kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan dan AKPK telah memberikan kesan yang positif | 3.46 | 0.95 | 1 |
| Sering terdedah dengan maklumat mengenai keberhutangan serius melalui media | 3.46 | 0.94 | 2 |
| Media massa telah membantu memahami tentang masalah keberhutangan serius | 3.42 | 0.97 | 3 |
| Berpuashati dengan kempen menangani masalah keberhutangan serius | 3.35 | 1.02 | 4 |
| Mengetahui peranan yang dilaksanakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) | 3.24 | 1.02 | 5 |

Jadual 4.17 menerangkan analisis deskriptif bagi kempen yang telah dibuat oleh pihak tertentu dalam menangani masalah serius ini. Kempen adalah pembolehubah yang terakhir yang diukur dalam faktor-faktor mempengaruhi tahap kesedaran responden dan diukur dengan menggunakan 5 item pengukuran. Skor min bagi kelima-lima item adalah melebihi 3.00. Item yang paling dominan dalam kempen, responden menyatakan kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan dan AKPK telah memberikan kesan yang positif (Skor min =3.46, Sisihan piawai=0.95). Item kedua tertinggi adalah sering terdedah dengan maklumat mengenai keberhutangan serius melalui media

(Skor min=3.46, Sisihan piawai=0.94).Kedua-dua item ini berada di tahap yang sederhana skor minnya.

Seterusnya adalah responden menyatakan media massa telah membantu memahami tentang masalah keberhutangan serius (Skor min=3.42, Sisihan piawai=0.97). Keempat adalah item berpuashati dengan kempen menangani masalah keberhutangan serius (Skor min=3.35, Sisihan piawai=1.02). Namun begitu, skor min yang terendah adalah item mengetahui peranan yang dilaksanakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) (Skor min=3.24, Sisihan piawai=1.02). Ini menunjukkan keseluruhan responden masih tidak memahami peranan AKPK sepenuhnya.

4.5 Objektif 1: Mengetahui sama ada wujud perbezaan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan yang serius berdasarkan faktor demografi.

Berdasarkan objektif pertama, terdapat sembilan hipotesis yang perlu diuji untuk mengetahui tahap kesedaran dalam menangani masalah keberhutangan serius mengikut faktor demografi. Berikut adalah huraian keputusan bagi setiap ujian mengikut demografi:

4.5.1 Perbezaan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Yang Serius Berdasarkan Faktor Jantina

$H_{01.1}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan jantina

Jadual 4.18 Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Jantina

| Ujian t Bagi Tahap Kesedaran Mengikut Jantina | | |
|---|---------|-----------|
| Demografi | Ujian | Nilai - p |
| Jantina | t=4.005 | 0.000 |
| Min: Lelaki = 3.20, Perempuan=2.98 | | |

Berdasarkan jadual 4.18, jantina mempunyai ujian-t adalah 4.005 dan nilai-p bagi ujian ini adalah 0.000 . Ia kurang dari paras signifikan yang ditetapkan iaitu $\alpha = 0.05$. Keputusan tersebut menunjukkan hipotesis nol 1.1 ditolak dan dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan yang serius mengikut jantina. Skor min lelaki adalah 3.20 dan perempuan adalah 2.98, ia menunjukkan lelaki mempunyai tahap kesedaran yang lebih dari perempuan.

4.5.2 Perbezaan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Yang Serious Berdasarkan Faktor Umur

$H_{01,2}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan umur.

Jadual 4.19 Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Umur

| Ujian F Bagi Tahap Kesedaran Mengikut Umur | | |
|---|--------------|------------------|
| Demografi | Ujian | Nilai - p |
| Umur | F=1.725 | 0.129 |

Keputusan ANOVA dalam jadual 4.19 di atas menunjukkan nilai F bagi umur adalah 1.725 dan nilai-p adalah 0.129 yang melebihi paras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Ini menunjukkan hipotesis nol 1.2 diterima dan dapat disimpulkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan peringkat umur responden terhadap kesedaran menangani masalah hutang yang serius ini.

4.5.3 Perbezaan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Yang Serius Berdasarkan Faktor Bangsa

$H_{0,1,3}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan bangsa

Jadual 4.20 Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Bangsa

| Ujian F Bagi Tahap Kesedaran Mengikut Bangsa | | |
|---|---------|-----------|
| Demografi | Ujian | Nilai - p |
| Bangsa | F=2.696 | 0.046 |
| Min: Melayu=3.60, Cina=3.40, India=3.23, Lain-lain=3.09 | | |

Jadual 4.20 adalah keputusan ANOVA bagi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani masalah keberhutangan serius mengikut bangsa. Hipotesis nol 1.3 ditolak kerana nilai-p bagi ujian F adalah 0.046 kurang dari nilai paras signifikan yang ditetapkan iaitu $\alpha = 0.05$ dan nilai F adalah 2.696. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan tahap kesedaran menangani isu keberhutangan yang serius berdasarkan bangsa penjawat awam. Mengikut keputusan min terhadap mempunyai tahap keberkesanan, melayu mempunyai nilai min 3.60, cina 3.40, india 3.23 dan lain-lain 3.09. Melayu mempunyai tahap kesedaran yang lebih daripada kaum-kaum yang lain. Ini kemungkinan dalam kajian kes ini majoriti penjawat awam terdiri daripada kaum melayu.

4.5.4 Perbezaan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keperhutangan Yang Serius Berdasarkan Faktor Status Perkahwinan

$H_{01.4}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan status perkahwinan

Jadual 4.21 Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Status Perkahwinan

| Ujian Perbezaan: Tahap Kesedaran Berdasarkan Status Perkahwinan | | |
|---|---------|-----------|
| Demografi | Ujian | Nilai - p |
| Status Perkahwinan | F=1.012 | 0.365 |

Jadual 4.21 adalah merupakan keputusan ujian perbezaan di antara tahap kesedaran dengan status perkahwinan. Jadual tersebut melaporkan keputusan bagi status perkahwinan tidak mempengaruhi tahap kesedaran responden. Ini terbukti apabila nilai-p bagi ujian F, adalah 0.365 dan melebihi paras signifikan ($\alpha = 0.05$) dan hipotesis 1.4 diterima.

4.5.5 Perbezaan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan yang Serius Berdasarkan Faktor Pendidikan

$H_{01.5}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan pendidikan

Jadual 4.22 Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Pendidikan

| Ujian Perbezaan: Tahap Kesedaran Berdasarkan Status Pendidikan | | |
|--|---------|-----------|
| Demografi | Ujian | Nilai - p |
| Pendidikan | F=9.604 | 0.000 |
| Min: MCE/SPM/HSC/STPM=3.20, Diploma=2.93, Diploma Lanjutan/Ijazah=2.90, Sarjana/Doktor Falsafah=2.88 | | |

Jadual 4.22 melaporkan keputusan tahap pendidikan responden, dengan ujian F adalah 9.604 dan nilai-p bagi ujian ini adalah 0.000. Nilai-p adalah kurang dari paras signifikan yang ditetapkan iaitu $\alpha = 0.05$. Keputusan tersebut menunjukkan hipotesis nol 1.5 ditolak dan disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan yang serius mengikut peringkat pendidikan. Ini menunjukkan bahawa faktor pendidikan mempengaruhi tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius. Keputusan juga menunjukkan, min bagi MCE/SPM/HSC/STPM adalah 3.20, diploma 2.93, diploma lanjutan 2.90 dan Sarjana/Doktor Falsafah 2.88. Ini menunjukkan responden berpendidikan MCE/SPM/HSC/STPM dan diploma mempunyai tahap

4.5.7 Perbezaan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keperhutangan yang Serius Berdasarkan Gaji dan Elaun

$H_{01.7}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan gaji dan elaun.

Jadual 4.24 Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Gaji dan Elaun

| Tahap Kesedaran Berdasarkan Gaji dan Elaun | | |
|--|--------------|------------------|
| Demografi | Ujian | Nilai - p |
| Gaji dan Elaun | F=5.264 | 0.000 |
| Min: RM1,500 dan ke bawah = 3.14, RM 1,501-RM2,000 = 3.27, RM2,001-RM3,000 = 3.00, RM3,001-RM4,000 =2.94, RM4,001-RM5,000 = 2.83, RM5,001 dan ke atas =2.90 | | |

Berdasarkan keputusan dalam jadual 4.24, Hipotesis nol 1.7 ditolak kerana nilai -p bagi ujian F kurang dari para signifikan $\alpha = 0.05$. Nilai F adalah 5.264 dan nilai-p bagi ujian ini adalah 0.000. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kesedaran penjawat awam mengikut gaji dan elaun yang didapati oleh responden dalam masa sebulan. Skor min tertinggi mengikut tangga gaji adalah responden yang mendapat pendapatan RM 1,501 hingga RM2,000 dan mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berbanding dengan jumlah pendapatan yang lain.

4.5.8 Perbezaan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keperhutangan yang Serius Berdasarkan Jumlah Perbelanjaan

$H_{01.8}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan jumlah perbelanjaan.

Jadual 4.25 Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Jumlah Perbelanjaan

| Ujian Perbezaan: Tahap Kesedaran Berdasarkan Jumlah Perbelanjaan | | |
|---|--------------|------------------|
| Demografi | Ujian | Nilai - p |
| Jumlah Perbelanjaan | F=2.589 | 0.026 |
| Min: RM1,000 dan ke bawah=3.14, RM1,001-RM1,500 =3.18, RM1,501-RM2,000=3.03, RM2,001-RM2,500=3.05, RM2,501-RM3,000 = 3.01, RM3,001 dan ke atas=2.80 | | |

Jadual 4.25 merupakan keputusan ujian kesamaan min ANOVA bagi jumlah perbelanjaan tahap kesedaran mengikut jumlah perbelanjaan responden. Keputusan menunjukkan nilai-p adalah 0.000 dan nilai F adalah 2.589 dan menyebabkan hipotesis nol 1.8 ditolak. Dengan itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran responden dan jumlah perbelanjaannya. Mengikut skor min di atas, responden yang berbelanja sebanyak RM1,001-RM1,500 adalah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berbanding dengan responden lain.

4.5.9 Perbezaan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan yang Serius Berdasarkan Anggaran Simpanan

$H_{01.9}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan anggaran simpanan

Jadual 4.26 Keputusan Perbezaan Tahap Kesedaran Berdasarkan Anggaran Simpanan

| Ujian Perbezaan: Tahap Kesedaran Berdasarkan Anggaran Simpanan | | |
|---|--------------|------------------|
| Demografi | Ujian | Nilai - p |
| Simpanan | F=1.489 | 0.193 |

Jadual 4.26 adalah keputusan perbezaan tahap kesedaran mengikut anggaran simpanan. Nilai F dan nilai-p bagi anggaran simpanan dengan tahap kesedaran responden adalah 1.489 dan 0.193. Nilai-p menunjukkan ia melebihi nilai signifikan yang ditetapkan iaitu $\alpha = 0.05$. Keputusan menunjukkan hipotesis nol 1.9 diterima dan ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kesedaran penjawat awam mengikut jumlah anggaran simpanan yang dilakukan oleh responden.

4.6 Objektif 2: Mengenalpasti sama ada pengetahuan mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

H_{02} : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara pengetahuan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

Jadual 4.27 Ujian Korelasi Pearson pengetahuan terhadap tahap kesedaran

| Jenis ujian | Nilai |
|----------------------------|-------|
| Nilai Signifikan (nilai-p) | 0.923 |
| R | 0.006 |

****Signifikan pada paras 0.05**

Jadual 4.27 di atas menunjukkan keputusan analisis korelasi Pearson bagi pengetahuan terhadap tahap kesedaran penjawat awam. Keputusan menunjukkan nilai-p = 0.923. Nilai-p adalah melebihi dari nilai aras keertian yang ditetapkan iaitu $\alpha = 0.05$ dan menyebabkan hipotesis nol (H_{02}) diterima. Ini membuktikan bahawa tiada perkaitan diantara pengetahuan dan tahap kesedaran dalam menangani isu keberhutangan berlebihan. Selain itu juga keputusan pekali korelasi Pearson (R) yang diperolehi ialah 0.006 dan menunjukkan hubungan antara pembolehubah ini adalah sangat lemah namun begitu nilainya adalah positif.

4.7 Objektif 3: Menguji sama ada sikap penjawat awam mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius

H_{03} : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam.

Jadual 4.28 Ujian Korelasi Pearson Sikap Terhadap Tahap Kesedaran

| Jenis ujian | Nilai |
|----------------------------|---------|
| Nilai Signifikan (nilai-p) | 0.000** |
| R | 0.334 |

****Signifikan pada paras 0.05**

Jadual 4.28 menunjukkan keputusan analisis korelasi Pearson bagi sikap terhadap tahap kesedaran penjawat awam. Keputusan melaporkan nilai-p bagi ujian Korelasi Pearson adalah 0.000. Nilai-p adalah kurang dari nilai aras keertian yang ditetapkan iaitu $\alpha = 0.05$ dan menyebabkan hipotesis nol (H_{03}) ditolak. Dapatan menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Nilai Korelasi Pearson (R) yang diperolehi ialah 0.334 dan menunjukkan hubungan antara pembolehubah sikap dan tahap kesedaran adalah sederhana dan hubungan adalah secara langsung kerana nilainya adalah positif. .

4.8 Objektif 4: Membuktikan penguatkuasaan undang-undang mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius

Ho₄ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara penguatkuasaan undang-undang dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam

Jadual 4.29 Ujian Korelasi Pearson Penguatkuasaan Undang-Undang Terhadap Tahap Kesedaran

| Jenis ujian | Nilai |
|----------------------------|--------|
| Nilai Signifikan (nilai-p) | 0.329 |
| R | -0.056 |

****Signifikan pada paras 0.05**

Jadual 4.29 menunjukkan ujian korelasi Pearson bagi penguatkuasaan undang-undang terhadap tahap kesedaran penjawat awam terhadap isu keberhutangan serius. Keputusan menunjukkan bahawa nilai-p bagi ujian ini adalah 0.329 melebihi $\alpha = 0.05$ maka hipotesis nol (Ho₄) diterima. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara penguatkuasaan undang-undang dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Nilai R adalah -0.056 di mana kekuatan bagi kedua pembolehubah ini adalah sangat lemah dan negatif.

4.9 Objektif 5: Menguji sama ada kempen dapat mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius.

H_{05} : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kempen dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam

Jadual 4.30 Ujian Korelasi Pearson Kempen Terhadap Tahap Kesedaran

| Jenis ujian | Nilai |
|----------------------------|---------|
| Nilai Signifikan (nilai-p) | 0.039** |
| R | 0.119 |

****Signifikan pada paras 0.05**

Jadual 4.30 menunjukkan keputusan analisis Korelasi Pearson bagi kempen terhadap tahap kesedaran penjawat awam. Keputusan melaporkan ujian tersebut mempunyai nilai-p = 0.000. Nilai-p adalah kurang dari nilai paras keertian yang ditetapkan iaitu $\alpha = 0.05$ dan menyebabkan hipotesis nol (H_{05}) ditolak. Dapatan menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kempen dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Nilai Korelasi Pearson (R) yang diperolehi ialah 0.119 dan menunjukkan hubungan antara pembolehubah kempen dan tahap kesedaran adalah lemah dan hubungan adalah secara langsung kerana nilainya adalah positif.

4.10 Objektif 6: Menentukan pengaruh faktor-faktor menangani masalah terhadap tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius.

Ho₆ : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam

Jadual 4.31 Ujian Regresi Berganda Antara Faktor-Faktor Mempengaruhi Dengan Tahap Kesedaran

| Ujian Regresi Linier Berganda | Beta | t | nilai -p |
|--|-------------|----------|-----------------|
| Malar | 2.305 | 9.429 | 0.000** |
| Pengetahuan tentang masalah keberhutangan serius | 0.083 | 2.182 | 0.030** |
| Sikap terhadap masalah keberhutangan serius | 0.345 | 6.846 | 0.000** |
| Penguatkuasaan Undang-undang terhadap masalah keberhutangan serius | -0.112 | -3.246 | 0.001** |
| Kempen menangani masalah keberhutangan serius | 0.053 | 1.023 | 0.307 |
| Ujian F=13.275 , nilai-p =0.000** | | | |
| R=0.391 | | | |
| R ² =0.139 | | | |
| Larasan R ² =0.141 | | | |

****Signifikan pada paras 0.05**

Jadual 4.31 menunjukkan keputusan regresi linier berganda antara faktor-faktor mempengaruhi dengan tahap kesedaran. Ujian *goodness of fit* atau lebih dikenali ujian F menunjukkan, nilai F adalah 13.275 dan nilai-p pula 0.000. Nilai-p kurang dari nilai paras signifikan yang ditetapkan. Secara

keseluruhan ia membuktikan wujud faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan serius.

Ujian seterusnya adalah ujian t yang perlu dinilai bagi setiap pembolehubah. Pengetahuan mempunyai nilai t adalah bernilai 2.182 dan nilai-p 0.000. Manakala sikap mempunyai nilai t sebanyak 6.846 dan nilai-p adalah 0.000. Seterusnya, ujian t dan nilai-p bagi penguatkuasaan undang-undang adalah 3.246 dan 0.001. Kempen mempunyai nilai t sebanyak 1.023 dan nilai-p adalah 0.307. Pembolehubah pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen mempunyai nilai-p bagi ujian t kurang dari paras keertian, $\alpha = 0.05$. Dapat di simpulkan hipotesis nul (H_{06}) di tolak, dan dapat disimpulkan wujud pengaruh yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan penguatkuasaan undang-undang terhadap tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Manakala kempen mempunyai nilai-p bagi ujian t melebihi nilai paras keertian, $\alpha = 0.05$. Kempen tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tahap kesedaran dalam menangani isu keberhutangan yang serius.

Nilai R adalah 0.391, ia menunjukkan pembolehubah pengetahuan, sikap dan penguatkuasaan undang-undang mempunyai hubungan sebanyak 39.10 peratus terhadap tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius dan hubungan ini adalah dikategorikan sebagai hubungan yang sederhana dan positif. Manakala nilai R kuasa dua=0.139, menunjukkan 13.9 peratus nilai variasi dalam tahap kesedaran penjawat awam diterangkan oleh pengetahuan, sikap dan penguatkuasaan undang-undang. Nilai Larasan R kuasa dua adalah

0.141, menunjukkan sebanyak 14.1 peratus jumlah bahagian varians bagi tahap kesedaran penjawat awam diterangkan oleh variasi pengetahuan, sikap dan penguatkuasaan undang-undang.

Dengan itu, daripada keputusan ini, model regresi berganda bagi tahap kesedaran adalah seperti berikut:

$$TK=2.305 + 0.083P^* + 0.345S^* - 0.112PU^* + 0.053K$$

di mana;

TK = Tahap Kesedaran

P=Pengetahuan

S=sikap

PU=Penguatkuasaan Undang-undang

K=Kempen

Model di atas menunjukkan nilai beta (β) yang tertinggi adalah sikap (0.345) berbanding penguatkuasaan undang-undang (-0.112) dan pengetahuan (0.083). Nilai beta melaporkan sekiranya 1 unit tahap pengetahuan bertambah, maka tahap kesedaran penjawat awam akan turut bertambah sebanyak 0.083. Selain itu, sekiranya 1 unit Sikap bertambah, maka tahap kesedaran penjawat awam akan turut bertambah sebanyak 0.345. Manakala, bertambah 1 unit penguatkuasaan undang-undang, maka tahap kesedaran penjawat awam akan turut bertambah sebanyak 0.112 tetapi secara tidak

langsung. Nilai sikap dan pengetahuan mempunyai nilai beta yang positif di mana kedua-dua pembolehubah adalah mempengaruhi secara langsung. Manakala, nilai beta penguatkuasaan undang-undang adalah negatif, ini bererti ia mempengaruhi secara tidak langsung dan dibantu oleh faktor-faktor selain daripada pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini.

4.11 Rumusan

Dalam bab 4 ini, fokus utama penyelidikan adalah untuk mengetahui pengaruh empat faktor yang terpilih iaitu pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen terhadap tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Selain itu, pengujian perbezaan antara tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani masalah keberhutangan serius mengikut faktor-faktor demografi.. Faktor-faktor yang dominan bagi setiap pembolehubah juga dapat dikenalpasti dengan menggunakan statistik deskriptif. Sebelum itu, maklumat peribadi responden juga dihuraikan dalam bab ini. Terdapat enam hipotesis yang diuji bagi mencapai tiga objektif kajian.

Jadual di bawah menunjukkan ringkasan keputusan ujian terhadap hipotesis kajian.

Jadual 4.32 Ringkasan Keputusan Hipotesis

| Hipotesis Kajian | Diterima /ditolak |
|--|--------------------------|
| Ho _{1.1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan jantina. | Ditolak |
| Ho _{1.2} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan umur. | Diterima |
| Ho _{1.3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan bangsa | Ditolak |
| Ho _{1.4} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan status perkahwinan | Diterima |
| Ho _{1.5} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan pendidikan | Ditolak |
| Ho _{1.6} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan tempoh perkhidmatan | Diterima |
| Ho _{1.7} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan gaji | Ditolak |
| Ho _{1.8} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan jumlah perbelanjaan. | Ditolak |
| Ho _{1.9} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran berdasarkan anggaran simpanan. | Diterima |
| Ho ₂ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara pengetahuan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. | Ditolak |
| Ho ₃ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. | Diterima |
| Ho ₄ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara penguatkuasaan undang-undang dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam | Ditolak |
| Ho ₅ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kempen dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam | Ditolak |
| Ho ₆ : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam | Ditolak |

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan menyimpulkan segala dapatan yang diperolehi daripada keputusan kajian secara keseluruhannya bagi mengenalpasti objektif-objektif kajian tercapai. Selain itu, kajian ini turut dibandingkan dengan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Seterusnya, beberapa cadangan dan saranan dikemukakan bagi membolehkan faktor-faktor yang dikaji ini dapat digunakan sebagai panduan untuk melancarkan strategi bagi mengurangkan masalah keberhutangan serius.

5.2 Perbincangan Kajian

Perbincangan dapatan kajian memberi tumpuan kepada keenam-enam objektif kajian sekaligus mengesahkan hipotesis kajian ini. Beberapa perkara penting dapat dibincangkan tentang faktor-faktor pembuatan keputusan pembelian pengguna menerusi kajian yang dilaksanakan ini.

5.2.1 Faktor-faktor demografi yang mempengaruhi tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan yang serius

Terdapat lima faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani masalah keberhutangan serius. Faktor-faktor tersebut adalah jantina, bangsa, pendidikan, gaji dan elaun dan perbelanjaan. Dapatan bahagian ini mendapati, sama ada lelaki atau perempuan, responden mempunyai tahap kesedaran yang berbeza iaitu lelaki mempunyai kesedaran yang lebih tinggi berbanding wanita.

Dari segi bangsa, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan adalah berbeza-beza. Bangsa Melayu mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi berbanding bangsa-bangsa lain. Mengikut pendidikan pula, responden yang mempunyai MCE/SPM/HSC/STPM dan diploma mempunyai tahap kesedaran yang tinggi daripada pendidikan yang lain ini disebabkan kalangan ini tidak mempunyai tahap perbelanjaan yang tinggi dan berpotensi ke arah masalah keberhutangan.

Terdapat juga perbezaan peringkat pendapatan oleh responden terhadap tahap kesedaran, di mana penjawat awam yang berpendapatan RM 1,501 hingga RM2,000 mempunyai kesedaran yang lebih. Manakala jumlah perbelanjaan yang berbeza jumlahnya oleh responden juga mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam.

Dapatan mendapati penjawat awam yang berbelanja dalam lingkungan RM1,001 hingga RM1,500 mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berbanding yang lain.

Dapatan disokong oleh Kamleitner, Hornung, and dan Kirchler (2010) yang mendapati jantina, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah dalam masa sebulan mempengaruhi masalah keberhutangan yang berlebihan. Pengkaji mendapati kebiasaanya berpendapatan rendah tidak menjurus kepada permasalahan keberhutangan ini kerana syarat untuk berhutang adalah fokus kepada individu berpendapatan tinggi. Kajian penyelidik ini juga mendapati responden yang mempunyai amaun perbelanjaan tinggi termasuk perbelanjaan isi rumah berpotensi besar memohon hutang yang berlebihan. Namun begitu, perempuan lebih menjurus kepada permasalahan keberhutangan ini dan lelaki mempunyai tahap kesedaran yang lebih daripada perempuan. Ujian kesamaan min dalam keberhutangan serius di Jerman pula mendapati pendidikan mempunyai nilai- $p=0.002$ bagi analisis ANOVA terhadap hutang yang berlebihan (Baumeister, 2008). Penyelidik mendapati responden berpendidikan tinggi mempunyai kesedaran yang baik terhadap keberhutangan berdasarkan pengalaman ,namun golongan berpendidikan tinggi ini juga lah yang menyumbang kepada statistik yang tinggi terlibat dalam keberhutangan yang serius.

5.2.2 Perkaitan Pengetahuan Dengan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius Di Kalangan Penjawat Awam.

Ditinjau kepada objektif kedua, hasil kajian menunjukkan pengetahuan mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Dapatan ini disokong oleh Kempson (2002) dalam kajiannya mendapati pengetahuan oleh penghutang dan pemberi hutang terhadap masalah keberhutangan di Britain adalah mempunyai perkaitan yang signifikan. Pengetahuan mengenai risiko berhutang apabila mempunyai hutang yang berlebihan daripada yang ditetapkan. Namun begitu menurut Bailey (2002) menyatakan pengetahuan organisasi yang memberi hutang mempunyai perkaitan dalam proses meluluskan hutang pengguna. Analisis korelasi Pearson melaporkan sebanyak 0.56 kekuatan perhubungan kedua-dua pembolehubah dan ia merupakan kekuatan yang tinggi. Walaubagaimanapun pengkaji mendapati agensi mengambil kesempatan untuk memberi hutang kepada responden yang kurang pengetahuannya.

5.2.3 Perkaitan Sikap Dengan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius Di Kalangan Penjawat Awam.

Objektif seterusnya adalah menguji perkaitan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius dengan sikap penjawat awam. Hasil dari keputusan analisis menunjukkan sikap tidak

mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius oleh penjawat awam. Kajian disokong oleh Dourmashkin (2001) dalam kajiannya di China menyatakan tingkahlaku responden mempunyai korelasi Pearson yang tidak signifikan dan nilai-p bagi ujian korelasi adalah sebanyak 0.221 terhadap tahap kesedaran responden. Ini berlainan keputusan pula dalam kajian lepas yang mempunyai keputusan penyelidik mendapati sikap mempunyai perkaitan yang signifikan dan di tahap yang sederhana ($R=0.32$) dalam pengurusan kewangan responden (Kamleitner & Hölzl, 2009; Prelec & Loewenstein, 1998)

5.2.4 Perkaitan Penguatkuasaan Undang-Undang Dengan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius Di Kalangan Penjawat Awam.

Dapatan bagi objektif ketiga ini mempunyai hubungan yang signifikan oleh pembolehubah penguatkuasaan undang-undang terhadap tahap kesedaran menangani masalah keberhutangan serius. Kajian lepas juga menyokong dapatan apabila nilai-p bagi pembolehubah perlaksanaan undang-undang di UK adalah signifikan terhadap tahap kesedaran responden dalam membanteras masalah keberhutangan yang serius (Cheema & Soman, 2006).

5.2.5 Perkaitan Kempen Dengan Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius Di Kalangan Penjawat Awam.

Kempen mempunyai perkaitan yang signifikan terhadap tahap kesedaran membanteras masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Kajian di sokong oleh Perry dan Morris (2005) dalam kajiannya mendapati sokongan berbentuk kempen dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran responden adalah mempunyai kaitan sebanyak 43.6 peratus nilai pekali korelasi.

5.2.6 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius

Objektif yang terpenting dalam kajian ini adalah mengetahui kewujudan faktor-faktor mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam terhadap keberhutangan serius dikalangan penjawat awam. Dapatan mendapati tahap kesedaran penjawat awam dipengaruhi oleh tiga pembolehubah yang dikaji iaitu pengetahuan, sikap dan penguatkuasaan undang-undang. Dalam analisis perkaitan, sikap menunjukkan nilai yang tidak signifikan terhadap tahap kesedaran tetapi mempunyai pengaruh yang signifikan dalam analisis regresi. Begitu juga dengan kempen, kempen mempunyai perkaitan yang signifikan pada analisis perkaitan di awal analisis tetapi tidak mempengaruhi tahap kesedaran apabila analisis regresi dijalankan. Ini menunjukkan ujian perkaitan adalah memaparkan keputusan perkaitan

pembolehubah sahaja dan ia tidak boleh dibuat untuk mengkaji sebab, kesan, pengaruh dan sebagainya dalam kajian. Ia adalah hanya menguji perkaitan awal dan lebih dikenali sebagai ujian eksplorasi.

Dapatan mendapati sikap adalah faktor terpenting dan mempengaruhi tahap menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Item di dalam sikap yang paling tinggi peratusan dan skor minnya dalam analisis deskriptif adalah penjawat awam lebih suka memperuntukkan 10 peratus gaji bulanan dalam membanteras masalah ini.

Pengetahuan merupakan faktor kedua yang mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam. Responden menyatakan bahawa penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan perlu dilaksanakan sepenuhnya untuk memberi kesedaran kepada penjawat awam dan masyarakat.

Pengetahuan pula merupakan faktor ketiga yang mempengaruhi kesedaran penjawat awam dalam menyekat isu keberhutangan yang serius ini. Item yang tertinggi peratusan dan skor min adalah penjawat awam sangat memahami apabila hutang melebihi 60 peratus daripada gaji dan elaun yang ditetapkan akan dikategorikan sebagai penghutang yang mengalami keberhutangan serius yang melanggar tata tertib sebagai penjawat awam.

Namun begitu kempen yang dilakukan setakat ini masih tidak memberi kesan sepenuhnya dan tidak mempengaruhi penjawat awam dalam kajian ini.

Pengaruh sikap, penguatkuasaan undang-undang dan pengetahuan mempunyai pengaruh yang sederhana terhadap tahap menangani masalah keberhutangan ini oleh penjawat awam. Dapatan disokong oleh beberapa kajian lepas yang menyatakan sikap dan pengetahuan individu sendiri memainkan peranan yang penting dalam membanteras masalah hutang yang berlebihan. Kajian penyelidikan-penyelidik ini mendapati faktor personaliti iaitu sikap, pengalaman dan pengetahuan memberi kesan yang positif terhadap kesedaran mempunyai hutang yang berlebihan dari had yang ditetapkan bagi setiap individu (Baumeister, 2002; Baumeister, Bratslavsky, Muraven, & Tice, 1998). Namun begitu model regresi penyelidikan ini mendapati pengetahuan lebih mempengaruhi daripada sikap responden kajian para penyelidik ini.

Di Sweden, pada tahun 1990 negara ini mempunyai masalah keberhutangan yang kritikal dan mengancam ekonomi negara. Pelbagai usaha dilakukan terutamanya sistem peraturan diperketatkan dan penggubalan semula terma-terma dan syarat dalam undang-undang dan cara inilah memberi kesan yang positif dalam menangani

isu keberhutangan serius di kalangan masyarakat (Besley and Persson,2010).

Kempen tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tahap kesedaran. Berbeza dengan dapatan kajian di Australia dimana kempen oleh pihak pengurusan mempunyai nilai regresi yang tinggi dalam membanteras masalah keberhutangan yang serius (Lea et al., 1995; Webley & Nyhus, 2001).Pengkaji menyatakan kempen mempunyai fungsi yang penting di mana ia dapat mempengaruhi minda berfikir, tahap kesedaran dan sikap individu.

5.3 Cadangan

Hasil kajian ini dapat memberikan gambaran tentang penjawat awam sebagai pengguna dan pengaruhnya dalam menangani isu keberhutangan serius. Seperti yang dinyatakan dalam laporan akhbar pada 30 Jun 2009, bahawa terdapat faktor yang turut terlibat dalam membanteras menangani isu ini. Justeru itu, beberapa cadangan dapat disarankan hasil dari keputusan kajian, kepada beberapa pihak dalam menangani isu keberhutangan serius ini. Hasil dari kajian, kempen tidak mempengaruhi tahap kesedaran dalam kajian ini. Ini bererti kempen perlu dipertingkatkan oleh pihak tertentu. Kempen menyeluruh di seluruh negeri di Malaysia perlu dilakukan dengan menggunakan pelbagai saluran atau kaedah. Kempen yang dijalankan adalah perlu menerapkan sebab dan akibat masalah keberhutangan serius ini di

kalangan pengguna. Kempen-kempen perlu menerapkan pengetahuan pengurusan kewangan, nilai etika atau tingkah laku pengguna.

Penjawat awam atau pengguna lain perlu ditingkatkan dari segi pengetahuan. Ilmu pengetahuan perancangan kewangan perlu dilengkapi di dalam diri penjawat awam supaya golongan ini perlu mengetahui bila dan berapa yang patut dibelanjakan dan menyimpan atau melabur. Seperti yang dilakukan oleh kerajaan dengan mengadakan kursus awalan kepada penjawat awam baru. Namun ilmu kesedaran dalam pengurusan kewangan perlu diperbanyakkan lagi. Kajian kepuasan dan kesan terhadap kursus yang tersedia ada oleh pihak berkenaan juga boleh dikaji bagi tujuan peningkatan kesedaran penjawat awam. Bank Negara Malaysia telah menyiasat sejak tahun 2003 terhadap syarikat-syarikat tertentu yang bertanggungjawab menjadi sebab individu-individu yang terjerumus dalam masalah keberhutangan serius ini di mana tidak mengikuti syarat peminjam di kalangan penjawat awam. Maka pengetahuan perlu diterapkan kepada pengguna supaya tidak cepat terpedaya dengan skim-skim yang dilarang oleh kerajaan. Membicarakan pengajaran ilmu pengurusan kewangan yang melibatkan ekonomi negara, pengetahuan perlu diterapkan sejajar dengan sistem ekonomi yang mendominasi sistem ekonomi yang berkonsepkan islam dan liberal yang disarankan oleh kerajaan.

Pengurusan kewangan juga perlu diterapkan dalam pendidikan sejak awal lagi iaitu diperingkat sekolah. Silibus di sekolah masih kurang menyentuh tentang kefahaman pengurusan kewangan yang betul terutama penerapan teknik pengurusan kewangan. Begitu juga di peringkat institusi atau

pendidikan tinggi, hanya individu tertentu sahaja yang mengambil subjek atau matapelajaran pengurusan kewangan yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam teknik mengurus wang yang betul berbanding individu yang tidak mengambil subjek tersebut.

Penguatkuasaan undang-undang Malaysia dalam keberhutangan serius di kalangan penjawat awam adalah berada di tahap yang baik. Namun begitu, responden kajian ada menyatakan pelaksanaan tata tertib masih belum menyeluruh dilaksanakan. Pendapat responden kajian bercadang untuk menubuhkan banyak agensi atau badan-badan berkanun membantu membanteras permasalahan ini. Peranan pihak-pihak tertentu seperti AKPK, Cuepacs dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan perlu didedahkan kepada masyarakat, ini kerana responden menyatakan masih ada individu yang tidak memahami fungsi sesetengah organisasi. Selain itu juga institusi-institusi kewangan perlu bekerjasama dalam liberalisasi meluluskan hutang kepada pengguna dimana mengikut syarat yang ditetapkan dan berperanan dalam usaha sama membanteras isu keberhutangan serius ini daripada mengaut keuntungan semata-mata. Seperti yang di sarankan oleh Naquib Al-Attas (2000) dalam kajian keberhutangan yang berkonsepkan liberalisasi islam dalam pengurusan kewangan yang merupakan intipati terpenting seperti konsep al-Din. Pegawai ABIM ini menyatakan keberhutangan serius masih berlaku walaupun pelbagai usaha dilakukan namun konsep liberalisasi ini perlu diterapkan dalam sendiri masyarakat yang majoriti islam.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, keputusan dan dapatan kajian ini secara tidak langsung dapat membantu dari segi memberi maklumat kepada penjawat awam , masyarakat sebagai pengguna, syarikat atau institusi kewangan agar memahami dan meneliti serta memandang serius tentang masalah keberhutangan ini yang membimbangkan mempengaruhi perkembangan ekonomi negara. Masyarakat perlu memahami konsep keperluan dan kehendak yang tidak melibatkan diri dalam hutang yang serius. Kajian ini adalah lanjutan dari pemerhatian atau survey yang dilakukan oleh pihak lain dan menambahkan lagi rujukan tentang keberhutangan serius yang masih belum banyak dikaji secara menyeluruh.

RUJUKAN DAN BIBLIOGRAFI

Buku-buku dan Jurnal:

- Anderloni, L. dan Vandone (2008). *Households Over-Indebtedness In The Economic Literature*. Working Paper n. 2008-46.
- Bailey K.D. (2002). *Methods of Social Research*. New York : Free Press.
- Baumeister, R. F. (2008). Yielding to temptation: self-control failure, impulsive purchasing, and consumer behavior. *Jurnal Pengguna*. 28, 670–676.
- Baumeister, R. F., Bratslavsky, E., Muraven, M., & Tice, D. M. (1998). Ego depletion: Is the active self a limited resource? *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(5), 1252-1265.
- Besley, T. and Persson, T. (2010), State Capacity, Conflict, and Development. *Econometrica*, 78: 1–34.
- Borg, W.R. & Gall, M.D. (1979). *Applying Educational Research : A Practical Guide*. Boston, Mass.: Pearson/Allyn & Bacon.
- Campbell, D. dan Fiske, D. (1959). “Convergent and Discriminant Validation”, *Psychological Bulletin*, Vol. 56, h. 81-105.
- Casey, B. J. (2004). *Developmental Psychobiology*. Washington, D.C.: American Psychiatric Publishing, 176 pp.
- Cheema, A. & Soman, D. (2006). Malleable mental accounting: The effect of flexibility on the justification of attractive spending and consumption decisions. *Journal Of Consumer Psychology*, 16(1), 33-44.

- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah penyelidikan (buku 1)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Clapp, J. D. & Beck, J. G. (2009). Understanding the relationship between PTSD and social support: The role of negative network orientation. *Behaviour Research and Therapy*, 47, 237– 244.
- Cohen, J. and P.Cohen (1988). *Applied Multiple Regression /Correlation Analysis for the Behavioral Sciences*. 2nd edition Hillsdale, N.J: Lawrence Erlbaum.
- Creswell, J. W. (2004). *Research design: Qualitative & quantitative approaches*. Sage Publications, Thousand Oaks, Calif.
- Dearden, Chris (2010). Credit and debt in low-income families.p.2-3
- Disney, R., Bridges, S., & Gathergood, J. (2008).*Drivers of Over-Indebtedness*.Report to the Department for Business, Enterprise and Regulatory Reform. Centre for Policy Evaluation,University of Nottingham.
- Dourmashkin (2001). *Consumer over-indebtedness in the EU: measurement and characteristics*. Ms 136-156.
- Field A.P (2006). *Discovering Statistics Using SPSS (4TH edition)*. London: Sage.
- Field (2000). *Applied Statistics (SPSS)*. (6TH edition).
- Field (2005). *Using SPSS(3rd edition)*. London : Sage. Muka Surat 55.
- Garman, E. T., Leech, I. E., & Grable, J. E. (1996).*The negative impact of employee poor personal financial behaviors on employers*.Financial Counseling and Planning, Volume 7, 157-167.

George, D. and Mallery, P. (2005). *SPSS for windows step-by-step: A simple guide and reference*.

Guido Lüchters & Sayan Chakrabarty (2006). *Multicollinearity Detection*.

Gujarati (2005). *Basic Econometrics (Translation Sumarno Zain)*. Jakarta. Erlangga.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J. Anderson, R.E. and Tathan, R.L. (2006). *Multivariate Data Analysis*. New Jersey Canada: Pearson Prentice Hall.

Jamalludin Helmi Bin Hashim, Moktar Hj. Awang, Wan Mohd Nazif Bin Wan Mohd Nori dan Mohd Shatari Abd Ghaffar (1999) *Tahap Kesedaran Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 Dan 5 Tentang Perakaunan Sebagai Satu Profesion Didaerah Dungun, Terengganu*. Universiti Teknologi Mara.

Kamleitner, B., Hornung, B. & Kirchler, E. (2010). *Over-indebtedness and the interplay of factual and mental money management: An interview study*. CGR Working Paper 34.

Kamleitner & Hölzl, (2009); Prelec & Loewenstein (1998). Cost-Benefit Associations and Their Influence on Loan Experience. *Jurnal Pengguna*. ms 22-23.

Kamleitner, B. & Kirchler, E. (2006). Personal loan users' mental integration of payment and consumption. *Marketing Letters*, 17(4), 281-294.

Kamus Dewan (2010) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Malaysia Ed. 4 edition.

Kempson, K. (2002). Financial Capability: Making Ends Meet. *Financial Capability: Keeping Track Of Finances*. Ms.134.

Kerlinger, Fred N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. 2nd edition. Holt, Rinehart and Winston.

- Kramer & Charitable, R. (1989). *The effect of source credibility on independent auditor's judgments*. Unpublished doctoral dissertation, Walden University.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30,607-610
- Lawrance, E. C. (1991). Poverty and the rate of time preference: evidence from panel data. *Journal of Political Economy*, 99(1), 54-77.
- Lim Chee Chee (2007). *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Lea, S. E. G. (1999). Credit, debt and problem debt. In P. E. Earl & S. Kemp (Eds.), *The Elgar Companion to Consumer Research and Economic Psychology* (pp. 139-144). Cheltenham:Edward Elgar.
- Lea, S. E. G., Webley, P., & Walker, C. M. (1995). Psychological factors in consumer debt: Money management, economic socialization, and credit use. *Journal of Economic Psychology*, 16(4), 681-701.
- Lea, S. E. G., Webley, P., & Levine, M. R. (1993). The economic psychology of consumer debt. *Journal of Economic Psychology*, 14(1), 85-119.
- Lee, J., Abdul-Rahman, F., & Kim, H. (2007). Debit card usage: an examination of its impact on household debt. *Financial Services Review*, 16, 73-87.
- Legge, J.& Heynes, A. (2010). *Beyond Reasonable Debt: A Background Report On The Indebtedness Of New Zealand Families*. Families Commission & Retirement Commission.
- Lusardi, A. & Tufano, P. (2008). *Debt Literacy, Financial Experiences and Overindebtedness*. NBER Working Paper.

- Malhotra, M. K., Steel, D. C. & Grover, V. (2007). *Decision Sciences: Important Strategic and Tactical Manufacturing*. Issues. Volume 25, Issue 2.
- Masri, S. (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan (esei, proposal, tesis)*. Klang: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Notoatmodjo, S. (2003). *Pendidikan dan Perilaku Kesehatan*. Rineka Cipta, Jakarta.
- Othman Lebar (2007). *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Pallant, Julie (2005). *SPSS Survival Manual*, 2nd edition.
- Perry, V. G. dan Morris, M. D. (2005). *Who Is in Control? The Role of Self-Perception, Knowledge, and Income in Explaining Consumer Financial Behavior*.
- Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas (2000). *The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Rohana Yusof, Mahyuddin bin Arsat & Nurruhilamani Bte Syamsul Bahri (2004). *Implikasi Pembelajaran Berasaskan Amali Terhadap Pembentukan Kerjaya Jurutera*. Universiti Teknologi Mara.
- Roid, G. H. & Haladyna, T. M. (1982). *A Technology for Test-Item Writing*. New York: Harcourt Brace Jovonarich Publishers.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Prentice Hall Pearson, Petaling Jaya, Malaysia.

Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business, a Skill- Building Approach*, 4th Ed., *John Wiley and Sons Inc.*

Syaharom (1990). *Modul Pembelajaran Kendiri*. Universiti Teknologi Mara, muka surat 33.

Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Tuckman, B. W. (1978). *Conducting educational research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.

Wenden, A. (1991). *Learner strategies for learner autonomy*. London: Prentice Hall.

Laman Web:

Berita Harian (2011). Statistik penjawat awam muflis. Dipetik dari Berita Harian bertarikh 3 Mac 2011 melalui:

<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/1086penjawatawammufliis/Article/>

Utusan Malaysia (April 2001). Ucapan dari Dr. Rais Yatim mengenai Undang-undang dan Penguatkuasaan. Dipetik dari Utusan Malaysia bertarikh 1 April 2001 melalui: <http://skypin.tripod.com/rencana/rencana6.html>

Bernamea (2009, 29 Jun). 450,000 Kakitangan awam dibebani hutang. Dipetik dari Utusan Malaysia bertarikh 29 Jun 2009 melalui:

http://lagiberita.blogspot.com/2009_06_25_archive.html

Laporan:

Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Akta 605), Kaedah 12 (7).

LAMPIRAN A



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

*Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
UUM College of Business*

"KEDAH SEJAHTERA"

UUM/COB/A-3 (808785)

09 June 2011

TO WHOM IT MAY CONCERN

Dear Sir/Madam

DATA COLLECTION

COURSE : Project Paper
COURSE CODE : BPMZ6996
LECTURER : Dr. Ram Al Jaffri Saad

This is to certify that the following is a postgraduate student from the College of Business, Universiti Utara Malaysia. He is pursuing the above mentioned course which requires him to undertake an academic study at any organization. The details are as follows:

| NO. | NAME | MATRIC NO. |
|-----|-------------------|------------|
| 1. | Khairudin bin Ali | 808785 |

In this regard, I hope that you could kindly provide assistance and cooperation for him to successfully complete the assignment given. All the information gathered will be strictly used for academic purposes only.

Your cooperation and assistance is very much appreciated.

Thank you.

"ILMU BUDI BAKTI"

Yours faithfully,

ROSLEE BIN MARDAN
Assistant Registrar
College of Business

c.c - Student's File (808785)



MSC
MALAYSIA
Status Institution

LAMPIRAN B

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
SARJANA SAINS PENGURUSAN 2011

BORANG SOAL SELIDIK

KAJIAN :

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN MENANGANI MASALAH
KEBERHUTANGAN SERIUS DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DI KUALA LUMPUR**

Tuan/ Puan yang dihormati,

Sukacita dimaklumkan bahawa kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dalam mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran menangani masalah keberhutangan serius di kalangan penjawat awam di Kuala Lumpur.

Saya memohon kerjasama daripada pihak Tuan/Puan untuk menjawab semua soalan dalam borang soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas bagi membantu kajian saya ini. Maklumat yang dikumpulkan adalah penting dan berguna sebagai bahan rujukan akademik di samping dapat membantu dalam pengurusan sumber manusia di jabatan dan kementerian.

Segala maklumat peribadi tuan / puan akan **DIRAHSIAKAN** dan tidak akan digunakan untuk sebarang tujuan yang lain.

Sebarang kemusykilan atau pertanyaan boleh berhubung dengan saya, **Khairudin bin Ali** melalui telefon di nombor 019-277 4527 atau melalui alamat e-mel: khairudin_ali@yahoo.com..

Kesungguhan dan kerjasama tuan / puan untuk meluangkan masa amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Bahagian A – Maklumat diri

Sila tandakan di ruang yang berkaitan.

1. Jantina: Lelaki Perempuan

2. Umur:

25 tahun dan ke bawah

31 – 35 tahun

41 – 45 tahun

26 – 30 tahun

36 – 40 tahun

46 tahun dan ke atas

3. Bangsa:

Melayu

India

Cina

Lain-lain

4. Taraf perkahwinan:

Bujang

Berkahwin

Duda/Janda

5. Tahap pendidikan tertinggi:

MCE / SPM / HSC / STPM

Diploma Lanjutan / Ijazah

Diploma

Sarjana (Master)/Doktor Falsafah (PhD)

6. Skim Perkhidmatan: _____ (Cth: Kewangan, Kejuruteraan, Keselamatan & Pertahanan Awam)

7. Gred Jawatan: _____ (Cth: W17, N32, M44, J48, KB29)

8. Jabatan/Kementerian: _____

9. Tempoh perkhidmatan:

Bawah 1 tahun

6 – 10 tahun

16 – 20 tahun

1 – 5 tahun

11 – 15 tahun

Lebih 21 tahun

10. Jumlah gaji dan elaun semasa (sebulan):

RM1,500 dan ke bawah

RM2,001 – RM3,000

RM4,001 – RM5,000

RM1,501 – RM2,000

RM3,001 – RM4,000

RM5,001 dan ke atas

11. Jumlah perbelanjaan sebulan:

- RM1,000 dan ke bawah RM1,501 – RM2,000 RM2,501 – RM3,000
 RM1,001 – RM1,500 RM2,001 – RM2,500 RM3,001 dan ke atas

12. Jumlah simpanan atau tabungan sebulan:

- RM100 dan ke bawah RM201 – RM300 RM501 – RM1,000
 RM101 – RM200 RM301 – RM500 RM1,001 dan ke atas
-

BAHAGIAN B – TAHAP KESEDARAN MENANGANI MASALAH KEBERHUTANGAN SERIUS

Butir-butiran yang terkandung dalam kaji selidik ini membayangkan pendapat anda. Sila bulatkan (O) pada angka yang sesuai bagi setiap soalan yang dikemukakan berdasarkan skor berikut :

| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|
| Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat setuju |

1. Saya berpuashati dengan jumlah wang yang saya boleh simpan sekarang ini. 1 2 3 4 5
2. Saya bimbang dengan jumlah hutang saya 1 2 3 4 5
3. Saya menghadapi kesukaran hidup dengan pendapatan sekarang ini. 1 2 3 4 5
4. Saya bimbang dengan kebolehan saya untuk membayar perbelanjaan bulanan. 1 2 3 4 5
5. Secara umumnya, kewangan saya agak teratur. 1 2 3 4 5
-

BAHAGIAN C – PENGETAHUAN TENTANG MASALAH KEBERHUTANGAN SERIUS

Sila bulatkan (O) pada angka yang sesuai bagi setiap soalan yang dikemukakan berdasarkan skor berikut :

| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|
| Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat setuju |

- | | | | | | |
|--|---|---|---|---|---|
| 1. Keberhutangan serius melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. Pegawai yang mengalami keberhutangan serius boleh memburukkan nama jabatan dan perkhidmatan awam. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. Pegawai yang mengalami keberhutangan serius boleh dikenakan tindakan tatatertib. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. Pegawai yang mengalami keberhutangan serius boleh diisytiharkan bankrap. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. Keberhutangan serius boleh menjejaskan tumpuan dan prestasi pegawai terhadap tugas. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6. Keberhutangan serius akan menyebabkan pegawai lebih terdedah dengan gejala rasuah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7. Pegawai yang mempunyai hutang lebih 60% daripada gajinya mengalami masalah keberhutangan serius. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
-

BAHAGIAN D – SIKAP TERHADAP MASALAH KEBERHUTANGAN SERIUS

Sila bulatkan (O) pada angka yang sesuai bagi setiap soalan yang dikemukakan berdasarkan skor berikut :

| 1 | 2 | 3 | 4 |
|--------------|---------------|----------|----------|
| Tidak pernah | Kadang-kadang | Biasanya | Sentiasa |

- | | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. Saya memperuntukkan 10% wang gaji untuk simpanan. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 2. Saya berbelanja melebihi daripada apa yang saya ada. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 3. Hutang kad kredit saya mencapai tahap maksimum. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 4. Saya selesaikan hutang kad kredit sepenuhnya bagi mengelak dikenakan caj faedah. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 5. Saya mengalami masalah kewangan kerana saya tidak mempunyai wang yang mencukupi. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 6. Saya mempunyai bajet mingguan dan bulanan. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 7. Saya tidak mampu membayar bil-bil tertunggak (seperti bil api dan air, telefon, sewa rumah, kad kredit dan sebagainya) | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 8. Saya tidak mampu untuk membayar ansuran bulanan pinjaman dan hutang. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 9. Saya akan membuat pinjaman yang baru untuk menutup hutang yang lama. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 10. Saya mudah terhasut dan terpedaya dengan pujukan untuk melabur skim cepat kaya, jualan lansung dan sebagainya. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 11. Saya bergantung kepada pendapatan tambahan untuk membayar perbelanjaan harian dan hutang. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 12. Saya tidak mempunyai dana kecemasan. | 1 | 2 | 3 | 4 |
-

**BAHAGIAN E – PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG TERHADAP MASALAH
KEBERHUTANGAN SERIUS**

Butir-butiran yang terkandung dalam kaji selidik ini membayangkan pendapat anda. Sila bulatkan (O) pada angka yang sesuai bagi setiap soalan yang dikemukakan berdasarkan skor berikut :

| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|----------------------------|---------------------|--------------------|---------------|----------------------|
| Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat setuju |

- | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Undang-undang dan peraturan mengenai keberhutangan serius adalah tidak jelas . | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. Undang-undang dan peraturan yang sedia ada mengenai keberhutangan serius tidak dikuatkuasakan . | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. Hukuman dan tindakan tatatertib yang dikenakan terlalu ringan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. Peraturan-peraturan untuk kelulusan pinjaman oleh penjawat awam terlalu longgar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. Peraturan-peraturan untuk kelulusan permohonan kad kredit terlalu longgar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
-

BAHAGIAN F – KEMPEN MENANGANI MASALAH KEBERHUTANGAN SERIUS

Butir-butiran yang terkandung dalam kaji selidik ini membayangkan pendapat anda. Sila bulatkan (O) pada angka yang sesuai bagi setiap soalan yang dikemukakan berdasarkan skor berikut :

| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|
| Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat setuju |

- | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Saya berpuashati dengan kempen menangani masalah keberhutangan serius yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. Media massa telah membantu saya memahami tentang masalah keberhutangan serius. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. Saya tidak tahu peranan yang dilaksanakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. Saya sering terdedah dengan maklumat mengenai keberhutangan serius melalui media. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. Kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan dan AKPK telah memberikan kesan yang positif kepada saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
-

“Terima Kasih dan Semoga Anda Tidak Dibelengguni oleh Hutang yang Serius”

LAMPIRAN C

Ujian Kebolehpercayaan –Kajian Rintis

Tahap Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serious.

Reliability Statistics

| Cronbach's Alpha ^a | N of Items |
|-------------------------------|------------|
| .836 | 5 |

Pengetahuan Tentang Masalah Keberhutangan

Reliability Statistics

| Cronbach's Alpha | N of Items |
|------------------|------------|
| .752 | 7 |

Sikap Terhadap Masalah Keberhutangan

Reliability Statistics

| Cronbach's Alpha | N of Items |
|------------------|------------|
| .793 | 12 |

Penguatkuasaan Undang-Undang

Reliability Statistics

| Cronbach's Alpha | N of Items |
|------------------|------------|
| .803 | 5 |

Kempen Menangani Masalah

Reliability Statistics

| Cronbach's Alpha | N of Items |
|------------------|------------|
| .723 | 5 |

Keseluruhan Item

Reliability Statistics

| Cronbach's Alpha | N of Items |
|------------------|------------|
| .823 | 34 |

Ujian Kesahan Dan Kesahihah –Kajian Rintis

Tahap Kesedaran

KMO and Bartlett's Test

| | | |
|--|--------------------|--------|
| Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy. | | .796 |
| Bartlett's Test of Sphericity | Approx. Chi-Square | 39.649 |
| | df | 10 |
| | Sig. | .000 |

Component Matrix^a

| | Component |
|--|-----------|
| | 1 |
| Berpuashat dengan jumlah wang yang boleh disimpan sekarang | -.734 |
| Bimbang dengan jumlah hutang | .639 |
| Menghadapi kesukaran hidup dengan pendapatan sekarang | .795 |
| Bimbang dengan kebolehan untuk membayar perbelanjaan bulanan | .805 |
| Kewangan agak teratur | -.756 |

Extraction Method: Principal Component Analysis.

a. 1 components extracted.

Pengetahuan

KMO and Bartlett's Test

| | | |
|--|--------------------|--------|
| Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy. | | .641 |
| Bartlett's Test of Sphericity | Approx. Chi-Square | 66.630 |
| | df | 21 |
| | Sig. | .000 |

Rotated Component Matrix^a

| | Component | |
|---|-----------|------|
| | 1 | 2 |
| Keberhutangan serius melang garperaturan pegawai awam (kelakuan dan tata tertib) | .675 | .290 |
| Keberhutangan serius boleh memburukkan nama jabatan dan perkhidmatan awam | .081 | .622 |
| Pegawai yang mengalami keberhutangan ser ius boleh dikenakan tindakan ta tata tertib | .016 | .926 |
| Pegawai yang mengalami keberhutangan ser ius boleh diisytiharkan bankrap | .382 | .612 |
| Keberhutangan serius boleh menjejaskan tumpuan dan prest asi pegawai terhadap tugas | .865 | .001 |
| Keberhutangan serius boleh menyebabkan pegawai lebih ter dedah dengan gejala rasuah | .909 | .152 |
| Hutang lebih 60% daripada gaji yang dialami masalah keberhutangan serius | .778 | .135 |

Sikap

KMO and Bartlett's Test

| | |
|--|--------------------|
| Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy. | .742 |
| Bartlett's Test of Sphericity | Approx. Chi-Square |
| | 144.137 |
| | df |
| | 66 |
| | Sig. |
| | .000 |

Rotated Component Matrix^a

| | Component | | | |
|--|-----------|-------|-------|-------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 |
| Memperuntukkan 10% gaji untuk simpanan | -.190 | -.724 | -.195 | -.320 |
| Berbelanja lebih daripada apa yang ada | .744 | .119 | -.116 | .137 |
| Hutang kad kredit mencapai tahap maksimum | .308 | .213 | .623 | .162 |
| Selesaikan hutang kad kredit sepenuhnya bagi mengelakkan caj faedah | -.170 | .015 | .810 | -.239 |
| Mempunyai masalah kewangan disebabkan tidak mempunyai wang yang mencukupi | .598 | .617 | -.059 | .194 |
| Mempunyai bajet mingguan dan bulanan | -.530 | -.235 | -.353 | -.526 |
| Tidak mampu membayar bil-bil tertunggak | .817 | .233 | .073 | -.266 |
| Tidak mampu membayar ansuran bulanan pinjaman dan hutang | .692 | .293 | .229 | -.007 |
| Membuat pinjaman yang baru untuk menutup hutang yang lama | .407 | .736 | -.122 | .201 |
| Mudah terhasut dan terpedaya dengan pujukan untuk melabur skim cepat kaya, jualan langsung, dan sebagainya | -.081 | .190 | -.124 | .873 |
| Bergantung kepada pendapatan tambahan untuk membayar perbelanjaan hari dan hutang | .062 | .897 | .195 | -.059 |
| Tidak mempunyai dana kecemasan | .589 | -.006 | .491 | .370 |

Extraction Method: Principal Component Analysis.

Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.

a. Rotation converged in 8 iterations.

